

NOTA BESTARI KOMSAS

ANTOLOGI "KUINGIN BERTERIMA KASIH"

> UNIT 1: Puisi Tradisional

1. Pantun Dua Kerat (Nasihat)

Maksud

Rangkap 1

Setiap perbuatan dan tindakan yang dilakukan berkait rapat dengan sifat seseorang itu sendiri.

Rangkap 2

Orang yang asyik baring di dalam selimut akan menjadi orang yang kuat tidur.

Rangkap 3

Walaupun diri seseorang itu mempunyai kekurangan, tetapi dia tetap mempunyai keistimewaan atau kelebihan tersendiri.

Rangkap 4

Seseorang yang tidak mahu berusaha atau berikhtiar akan gagal.

Rangkap 5

Kesungguhan dan kecekalan dalam melakukan pelbagai tugas atau kerja.

Tema

Nasihat yang dapat membina diri seseorang ke arah kebaikan.

Persoalan

- (a) Sifat manusia itu akan terserlah pada setiap perbuatan dan tingkah lakunya.
- (b) Orang yang kuat tidur tidak aktif dan tidak produktif.
- (c) Kekurangan diri bukan penghalang untuk berjaya dan menyumbang sesuatu yang berfaedah.
- (d) Orang yang malas berusaha tidak akan berjaya untuk memperoleh sesuatu.
- (e) Inisiatif atau kerja hendaklah dilakukan dengan penuh kesungguhan.
- (f) Sifat manusia menzahirkan diri sendiri.
- (g) Orang yang berjaya tidak banyak tidur.
- (h) Setiap kejayaan mesti dimulakan dengan usaha dan ikhtiar yang penuh komitmen.

Bentuk dan Ciri-ciri Pantun

- (a) Bentuknya terikat.
- (b) Terdiri daripada lima rangkap.
- (c) Berisi dua baris serangkap.
- (d) Bilangan katanya tiga hingga empat patah kata sebaris.
- (e) Terdiri daripada lapan hingga sebelas suku kata sebaris.
- (f) Rima akhir bagi setiap rangkap adalah sama, iaitu *aa*.

Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Imej alam. Contohnya, *pucuk kawa; buah sintang; buah senkul*.
- (b) Repetisi. Contohnya, *Satu memegang satu memikul*. (baris 2, rangkap 5)
- (c) Bahasa Arab. Contohnya, *wujud; sifat*.
- (d) Asonansi. Contohnya, *Sungguh hitam dipandang lawa* (perulangan vokal *a*).
- (e) Aliterasi. Contohnya, *Sarang semut dalam gelap* (perulangan bunyi konsonan *s*).

Nilai

- (a) Berhati-hati.
- (b) Kerajinan.
- (c) Keredaan.
- (d) Kesungguhan.
- (e) Kecekalan.

Pengajaran

- (a) Kita harus berhati-hati dalam setiap perbuatan dan tindakan kita.

- (b) Kita harus mengelakkan diri daripada banyak tidur.
- (c) Kita janganlah kecewa dengan kekurangan diri.
- (d) Sifat malas hendaklah kita hindari.
- (e) Kita hendaklah memiliki sifat daya usaha yang tinggi dalam berhadapan dengan cabaran dalam sesuatu usaha.

2. Syair Pohon Buluh

Maksud

Rangkap 1

Pihak berkuasa menjalankan tugas dengan adil dan saksama tanpa mengira pangkat dan darjah.

Rangkap 2

Kehidupan mereka yang bersaudara dan orang kaya yang sedia menghulurkan bantuan kepada orang lain.

Rangkap 3

Golongan tua dan muda bergandingan dan bersama-sama dalam memperkuuh perpaduan masyarakat.

Rangkap 4

Setiap anggota masyarakat bertanggungjawab menjaga imej dan keamanan daripada gangguan pihak luar.

Tema

Perpaduan atau keutuhan hidup bersatu.

Persoalan

- (a) Pihak berwajib melaksanakan tugas dengan adil dan saksama kepada semua pihak.
- (b) Anggota masyarakat yang hidup bersaudara.
- (c) Anggota masyarakat berkongsi matlamat secara bersama-sama dan berusaha untuk mencapainya secara bersama-sama.
- (d) Pangkat tidak membezakan seseorang dalam masyarakat.
- (e) Kekuahan perpaduan hidup masyarakat membawa kejayaan dan berjaya menempuh segala cabaran dan dugaan yang hebat.
- (f) Anggota masyarakat tanpa mengira besar atau kecil dan tua atau muda hidup dengan bersatu padu.
- (g) Anggota masyarakat bersama-sama bertanggungjawab menjaga nama baik.

Bentuk dan Ciri-ciri Syair

- (a) Bentuknya terikat.
- (b) Terdiri daripada empat rangkap.
- (c) Berisi empat baris serangkap.
- (d) Bilangan katanya empat hingga lima patah kata sebaris.
- (e) Terdiri daripada lapan hingga dua belas suku kata sebaris.
- (f) Rima akhir bagi setiap rangkap adalah sama, iaitu *aaa*.

Unsur Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Kata arkaik. Contohnya, *gara* (baris 4, rangkap 2).
- (b) Inversi. Contohnya, *Terlalu kuat pula asasnya* (sepatutnya *Asasnya terlalu kuat pula*).
- (c) Perulangan kata. Contohnya, *tinggi* (baris 1, rangkap 1; baris 2, rangkap 3).
- (d) Simile. Contohnya, *Gelapnya di dalam seperti malam* (baris 2, rangkap 4).
- (e) Asonansi. Contohnya, *Di sana tiada bilik bersekut* (perulangan vokal *i*).
- (f) Aliterasi. Contohnya, *Menara tinggi banyak bertingkat* (perulangan konsonan *b*).

Nilai

- (a) Keadilan.
- (b) Tolong-menolong.
- (c) Perpaduan.
- (d) Persaudaraan.
- (e) Bertanggungjawab.

Pengajaran

- (a) Pihak berkuasa hendaklah menjalankan tugas dengan adil.
- (b) Anggota masyarakat harus hidup dalam semangat persaudaraan yang kukuh.
- (c) Kita tidak harus menjadikan pangkat sebagai pemisah antara anggota masyarakat.
- (d) Setiap anggota masyarakat harus berganding bahu dalam memelihara nama baik dan negara daripada ancaman.
- (e) Kita harus memberikan layanan dengan saksama.
- (f) Golongan tua dan muda harus berganding bahu untuk memperkuuh asas perpaduan.

> UNIT 2: Sajak

1. Kita Umpama Sehelai Daun (*SMahadzir*)

Maksud

Rangkap 1

Penyajak mengumpamakan manusia sebagai daun yang bertunas segar di hujung ranting dan membesar sehingga menjadi tempat untuk unggas menikmati kehidupan dengan gembira.

Rangkap 2

Penyajak menyatakan bahawa sekiranya manusia tamak dan tidak mahu memberikan jasa dan bakti, tentunya unggas yang kecil dan tiada kudrat itu tidak mempunyai tempat berlindung daripada bahang matahari.

Rangkap 3

Penyajak mengingatkan bahawa manusia umpama sehelai daun yang akan kering apabila sampai waktunya. Oleh itu, penyajak menyeru agar manusia tidak sombong akan keupayaan diri yang hanya bersifat sementara sehingga tiada sifat ihsan terhadap makhluk *duafa* yang ingin menumpang hidup.

Rangkap 4

Penyajak menyeru agar manusia menjadikan diri mereka umpama sehelai daun yang bertunas hijau serta menyegarkan mata. Apabila kering, daun itu akan menjadi baja.

Tema

Amalan yang baik dalam kehidupan.

Persoalan

- (a) Kebaikan diri yang sanggup memberikan makhluk lain menumpang untuk hidup.
- (b) Kesedaran bahawa sifat tamak akan membuatkan pihak lain menghadapi kesukaran untuk hidup.
- (c) Insaf akan keupayaan diri yang sementara dan tidak bersikap sombong terhadap makhluk lain.
- (d) Setiap jasa yang dilakukan sewaktu hidup akan berterusan sehingga telah meninggal dunia.

Bentuk dan Ciri-ciri Sajak

- (a) Sajak berbentuk bebas.
- (b) Terdiri daripada empat rangkap.
- (c) Rangkap pertama dan rangkap ketiga mempunyai lima baris; rangkap kedua mempunyai empat baris; rangkap keempat mempunyai tiga baris.
- (d) Bilangan katanya dua hingga lima patah kata sebaris.
- (e) Terdiri daripada lapan hingga dua belas suku kata sebaris.
- (f) Rima akhir rangkap pertama: *ababc*; rangkap kedua: *abcd*; rangkap ketiga: *abcbd*; rangkap keempat: *abb*.

Unsur Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Simile. Contohnya, *kita umpama sehelai daun*.
- (b) Asonansi. Contohnya, *andaikikir jasa dan bakti* (perulangan vokal *i*).
- (c) Aliterasi. Contohnya, *hijau menunas menyegar mata* (perulangan konsonan *m*).

Nilai

- (a) Simpati.
- (b) Baik hati.
- (c) Keinsafan.
- (d) Berbudi pekerti.

Pengajaran

- (a) Kita harus bersimpati terhadap insan lain.
- (b) Kita harus berbuat baik terhadap insan lain.
- (c) Janganlah kita angkuh dan sombong dengan kelebihan diri.
- (d) Kita hendaklah menabur budi kepada insan lain.

2. Kuingin Berterima Kasih (*Ihsan Noorzali*)

Maksud

Rangkap 1

Sesekali penyajak ingin berterima kasih kepada hujan yang turun menenangkan jiwa.

Rangkap 2

Sesekali penyajak ingin berbudi kepada tanah kerana tanah memberikan hasil untuk para petani.

Rangkap 3

Sesekali penyajak ingin berbisik kepada ikan-ikan yang hidup di lautan kerana ikan-ikan itu telah menghilangkan derita nelayan tua yang tinggal di tempatnya.

Rangkap 4

Sesekali penyajak ingin merakamkan keagumannya kepada pejuang negara yang setia berkorban demi negara tercinta.

Rangkap 5

Sesekali penyajak ingin menjadi kuntuman bunga menyebarkan haruman di hati manusia yang resah dan menginsafkan manusia terhadap kekejaman perang.

Rangkap 6

Penyajak menyatakan bahawa dunia ini sungguh indah sekiranya manusia merenung setiap ruang kehidupan ini.

Tema

Kesyukuran dan penghargaan akan segala nikmat yang dikecapi dalam kehidupan.

Persoalan

- (a) Penghargaan terhadap nikmat hujan yang menjadikan kehidupan menjadi tenang.
- (b) Kepentingan tanah yang menyumbangkan hasil untuk para petani.
- (c) Ikan merupakan sumber rezeki kepada nelayan.
- (d) Penghargaan kepada para pejuang yang setia berjuang dan berkorban demi negara tercinta.

Bentuk dan Ciri-ciri Sajak

- (a) Berbentuk bebas.
- (b) Terdiri daripada enam rangkap.
- (c) Rangkap pertama dan kedua mempunyai empat baris; rangkap ketiga, keempat, dan kelima mempunyai lima baris; rangkap keenam mempunyai tiga baris.
- (d) Bilangan katanya dua hingga lima patah kata sebaris.
- (e) Terdiri daripada tujuh hingga empat belas suku kata sebaris.
- (f) Rima akhir bagi rangkap pertama: *abcd*; rangkap kedua: *abca*; rangkap ketiga: *abcc*; rangkap keempat: *abcb*, rangkap kelima: *abcbd*; rangkap keenam: *abc*.

Unsur Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Metafora. Contohnya, *darah kesetiaan*.
- (b) Repetisi. Contohnya, *Sesekali kuingin* (baris 1, rangkap 1, 2, 3, 4, dan 5).
- (c) Simile. Contohnya, *kepadamu hujan bagai tetamu*.
- (d) Asonansi. Contohnya, *kepadamu hujan bagai tetamu* (perulangan vokal *a*).
- (e) Aliterasi. Contohnya, *Sesekali kuingin kalungkan kagum* (perulangan konsonan *k*).

Nilai

- (a) Berterima kasih.
- (b) Kerajinan.
- (c) Simpati.
- (d) Patriotisme.
- (e) Keinsafan.

Pengajaran

- (a) Kita perlulah berterima kasih atas segala nikmat yang kita kecapai dalam kehidupan.
- (b) Kita hendaklah rajin mengusahakan tanah.

- (c) Kita hendaklah bersimpati dengan golongan susah.
- (d) Perjuangan dan pengorbanan para pejuang tanah air hendaklah dihargai.
- (e) Kita harus merenung kehidupan ini.

3. Aku (Rosli K. Matari)

Maksud

Rangkap 1

Penyajak menyatakan bahawa hanya dirinya yang berada di pantai tersebut.

Rangkap 2

Penyajak menyusuri pantai yang panjang dan berpasir sambil membayangkan dirinya sebagai Adam.

Rangkap 3

Penyajak membayangkan dia menjadi orang pertama dicipta pada hari tersebut dan pertama kali dia dapat melihat, laut, langit, dan pohon.

Rangkap 4

Penyajak menyatakan bahawa kelmarin dia masih belum wujud dan tidak dapat mendengar deruan ombak.

Rangkap 5

Penyajak tidak dapat rasa tiupan angin yang bertiup di serata alam.

Rangkap 6

Penyajak tidak mengetahui kewujudan hidupan lain di pantai tersebut.

Rangkap 7

Penyajak menzahirkan keyakinannya bahawa Tuhan Maha Pencipta.

Tema

Kecintaan kepada Pencipta.

Persoalan

- (a) Bersyukur kerana dapat menikmati keindahan dunia.
- (b) Wujudnya hidupan lain di alam ini.
- (c) Yakin bahawa Tuhan Maha Pencipta.

Bentuk dan Ciri-ciri Sajak

- (a) Berbentuk bebas.
- (b) Terdiri daripada tujuh rangkap.
- (c) Setiap rangkap mempunyai tiga baris.
- (d) Bilangan katanya satu hingga empat patah kata sebaris.
- (e) Terdiri daripada dua hingga sepuluh suku kata sebaris.
- (f) Rima akhir bagi rangkap pertama, kedua, ketiga, dan kelima: *abc*; rangkap keempat dan ketujuh: *abb*; rangkap keenam: *aab*.

Unsur Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Personifikasi. Contohnya, *sentuhan angin ini*.
- (b) Asonansi. Contohnya, *Tidak ada manusia lain* (perulangan vokal *a*).
- (c) Aliterasi. Contohnya, *laut, langit, dan pohon* (perulangan konsonan *I*).

Nilai

- (a) Kesukuran.
- (b) Kesedaran.
- (c) Keimanan.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah bersyukur kerana dapat hidup di dunia yang indah ini.
- (b) Kita harus sedar terdapat hidupan lain yang wujud di alam ini.
- (c) Kita harus beriman bahawa Tuhan Maha Pencipta.

4. Kunci Bahasa (Abdul Hadi Yusof)

Maksud

Rangkap 1

Bahasa yang bermaruah tidak akan diucapkan oleh lidah dengan bahasa yang tidak sopan.

Rangkap 2

Bahasa berbauh itu ialah ucapan yang baik boleh digunakan berkali-kali.

Rangkap 3

Bahasa bersejarah ialah bahasa dalam perbincangan dan perbahasan secara berkesan.

Rangkap 4

Bahasa berwasilah ialah bahasa yang digunakan bagi mengeratkan perhubungan dan persahabatan.

Rangkap 5

Bahasa berbudi merupakan bahasa yang sudah menjadi lumrah digunakan oleh masyarakat untuk urusan harian.

Rangkap 6

Bahasa begitu indah dan tidak habis walaupun digunakan pada setiap hari.

Tema

Bahasa dan kepentingannya dalam kehidupan manusia.

Persoalan

- (a) Bahasa hendaklah digunakan dengan betul.
- (b) Sejarah telah mencatatkan bahawa bahasa juga mencetuskan perbahasan.
- (c) Bahasa boleh digunakan untuk memperkuuh silaturahim.
- (d) Bahasa yang berbudi sudah menjadi amalan dan budaya dalam masyarakat.
- (e) Bahasa begitu indah kerana manusia tidak boleh dipisahkan daripada bahasa.

Bentuk dan Ciri-ciri Sajak

- (a) Berbentuk terikat.
- (b) Terdiri daripada enam rangkap.
- (c) Setiap rangkap mempunyai dua baris.
- (d) Bilangan katanya dua hingga empat patah kata sebaris.
- (e) Terdiri daripada enam hingga sebelas suku kata sebaris.
- (f) Rima akhir setiap rangkap ialah *aa*.

Unsur Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Bahasa Arab. Contoh: *berwasilah; ukhuwah; ummah*.
- (b) Repetisi. Contoh: *Bahasa*.
- (c) Asonansi. Contohnya, *Bahasa bermaruah* (perulangan vokal *a*).
- (d) Aliterasi. Contohnya, *Bahasa berbauh* (perulangan konsonan *b*).

Nilai

- (a) Berhati-hati.
- (b) Kebijaksanaan.
- (c) Perpaduan.
- (d) Berbudi bahasa.
- (e) Menghargai bahasa.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah berhati-hati dalam berkomunikasi.
- (b) Kita harus bijak menggunakan bahasa.
- (c) Kita harus memperkuuh perpaduan menerusi wahana bahasa.
- (d) Masyarakat hendaklah menggunakan bahasa yang sopan.
- (e) Pengguna bahasa harus menghargai bahasa.

UNIT 3: Prosa Tradisional

Asal Padi

Sinopsis

Pada zaman dahulukala, terdapat sepasang suami isteri yang sangat kaya. Mereka memiliki kerbau dan binatang ternakan yang banyak. Harta mereka juga tidak termilai banyaknya. Pada suatu hari, sepasang suami isteri itu meninggal dunia. Mereka meninggalkan dua orang anak lelaki. Kedua-dua orang anak itu masih belum mampu mencari nafkah sendiri. Anak sulung suami isteri itu, iaitu Si Bongsu pula cacat. Kakinya kerekot, jari-jarinya tumbuh melekat antara satu sama lain seperti itik dan kedua-dua tumitnya berlubang. Sepeninggalan suami isteri itu, harta benda mereka telah dicuri oleh orang jahat. Harta yang masih ada hanyalah sebuah kolam ikan.

Pada suatu hari, Si Bongsu melihat-lihat kolam ikannya. Dia ternampak tujuh orang puteri baru sahaja selesai mandi dan bersiap-siap ingin pulang. Si Bongsu memohon untuk mengikuti puteri-puteri itu pulang ke kayangan. Permintaan Si Bongsu telah diperkenankan oleh puteri-puteri kayangan itu. Si Bongsu pun mengikut puteri-puteri itu ke kayangan. Setiba di kayangan, ketujuh-tujuh orang puteri itu telah hilang. Tiba-tiba Si Bongsu ternampak benda kuning berkilau-kilau yang dijemur di tengah dusun. Si Bongsu menyangka bahawa benda kuning berkilau-kilau itu ialah selonggok emas.

Si Bongsu bertanya kepada empunya emas tersebut tetapi empunya itu menyatakan bahawa benda berwarna kuning berkilau-kilau itu ialah padi. Empunya padi itu juga menjelaskan bahawa padi itu amat enak dimakan. Si Bongsu bercadang untuk menanam padi itu di bumi. Dia pun meminta izin daripada empunya padi itu untuk mendapatkan padi tersebut. Empunya padi itu tidak membencarkannya. Sebaliknya, Si Bongsu diberikan nasi untuk dirasai keenakannya hasil padi itu.

Pada suatu hari, Si Bongsu telah mengambil segenggam padi lalu dimasukkan ke dalam mulut untuk dibawa pulang ke bumi. Malangnya, empunya padi itu menyedari bahawa padinya telah dicuri. Empunya padi itu mencari Si Bongsu dan mengejarnya. Empunya padi itu berjaya menangkap Si Bongsu di tangga pelangi. Empunya padi itu telah membanting Si Bongsu sehingga tumit Si Bongsu berdarah kerana terkena bucu tangga yang tajam. Selepas mendapatkan padi itu semula. Empunya padi itu pun ingin kembali ke kayangan semula. Si Bongsu merayu untuk mengikuti empunya padi itu ke kayangan. Malahan dia sanggup menjadi hamba kepada empunya padi itu. Permintaan Si Bongsu diterima dan dia kembali ke kayangan semula. Di kayangan, Si Bongsu hanya ditugaskan untuk menjaga dan mengawasi padi yang sedang dijemur.

Setelah beberapa lama, luka Si Bongsu pun sembuh. Dia bercadang untuk pulang ke bumi. Oleh itu, Si Bongsu mengambil segenggam padi dan butir-butir padi itu disembunyikan di lubang-lubang luka pada tumitnya. Si Bongsu meminta izin kepada empunya padi untuk pulang ke bumi. Empunya padi itu membenarinya Si Bongsu pulang ke bumi, tetapi dia perlu memeriksa Si Bongsu lebih dahulu untuk memastikan bahawa padinya tidak dicuri. Si Bongsu membenarkan dirinya diperiksa oleh empunya padi itu. Kerelaan Si Bongsu itu telah menyakinkan pemilik padi bahawa Si Bongsu tidak mencuri padinya.

Si Bongsu tiba di bumi dengan selamat. Dengan segera, dia menanam padi itu. Padi yang ditanam Si Bongsu mengeluarkan hasil yang memuaskan. Sementara itu, padi di kayangan telah hilang daya hidup. Untuk melihat kalau-kalau ada padi ditanam di bumi, empunya padi di kayangan pun menghantar seekor burung pipit ke bumi. Burung pipit itu pun terbang ke bumi dan mendapati padi di bumi sedang berbuah. Burung pipit telah makan padi tersebut. Kemudian, burung pipit kembali ke kayangan semula dan memberitahu empunya padi bahawa tiada padi ditanam di bumi. Empunya padi itu tidak mempercayai kata-kata burung pipit kerana melihat warna putih menyelipiti paruh burung pipit. Keadaan itu menandakan bahawa burung pipit telah makan padi. Burung pipit mengatakan bahawa jika empunya padi tidak mempercayainya, empunya padi boleh menghantar seekor burung lagi. Empunya padi itu pun menghantar Si Tekuri ke bumi. Empunya padi memberitahu kedua-dua ekor burung itu bahawa Si Tekuri akan membunuh burung pipit jika ada padi ditanam di bumi. Sebaliknya, jika tiada padi ditanam di bumi, burung pipit akan membunuh Si Tekuri. Selepas kedua-dua burung itu tiba di bumi, Si Tekuri mendapati ada padi ditanam di bumi. Burung pipit itu akhirnya telah dibunuh oleh Si Tekuri.

Tema

Kebijaksanaan dalam menyelesaikan masalah.

Persoalan

(a) Sikap tidak berputus asa dalam melaksanakan sesuatu tugas.

- (b) Kekayaan yang dimiliki di dunia tidak akan kekal dan tidak boleh dibawa mati.
- (c) Kebijaksanaan dalam melaksanakan tugas atau kerja amat penting.
- (d) Masyarakat yang hidup berlandaskan budi pekerti.
- (e) Pembohongan akan diketahui juga akhirnya.
- (f) Perbuatan mencuri harta orang merupakan gejala tidak baik.

Plot

Binaan Plot

- (a) Permulaan – Mengisahkan sepasang suami isteri yang banyak memiliki harta. Suami isteri tersebut telah meninggal dunia. Mereka meninggalkan dua orang anak lelaki yang masih kecil. Anak sulung yang bernama Si Bongsu sudah agak besar tetapi kakinya cacat.
- (b) Perkembangan – Si Bongsu bertemu dengan tujuh orang puteri yang sedang mandi di kolam ikannya. Si Bongsu meminta izin untuk mengikuti ketujuh-tujuh orang puteri itu ke kayangan. Setiba di kayangan, kesemua puteri itu hilang. Si Bongsu berasa kusut. Tiba-tiba, Si Bongsu melihat benda berwarna kuning sedang dijemur di sebuah dusun. Pada sangkaan Si Bongsu benda kuning itu ialah emas. Empunya memberitahu Si Bongsu benda kuning itu sebenarnya padi. Si Bongsu meminta sedikit padi untuk ditanam di bumi. Permintaan Si Bongsu tidak diperkenankan, sebaliknya dia diberi nasi untuk merasai keenakan nasi tersebut.
- (c) Klimaks – Si Bongsu mencuri segenggam padi lalu dimasukkan ke dalam mulutnya. Empunya padi itu telah mengejar Si Bongsu. Empunya padi telah menangkap Si Bongsu di tangga pelangi dan membanting Si Bongsu sehingga menyebabkan tumitnya luka. Si Bongsu merayu kepada empunya padi untuk mengikutnya ke kayangan. Si Bongsu sanggup menjadi hamba kepada empunya padi itu. Dia tidak dibenarkan melakukan pekerjaan lain kecuali menjaga dan mengawasi padi yang sedang dijemur. Setelah beberapa lama berada di kayangan, Si Bongsu mendapat akal untuk menyorokkan beberapa butir padi di lubang luka di tumitnya. Kemudian, Si Bongsu meminta izin pulang ke bumi. Permintaannya diperkenankan oleh empunya padi itu setelah yakin bahawa Si Bongsu tidak mencuri padi di kayangan.
- (d) Peleraian – Si Bongsu tiba di bumi dengan selamat. Si Bongsu pun menanam padi dan mengeluarkan hasil yang menyenangkan. Sebaliknya, padi di kayangan tidak ada daya hidup. Empunya padi itu menghantar burung pipit ke bumi untuk melihat sama ada padi ada ditanam atau tidak. Burung pipit memberitahu empunya padi bahawa tiada padi yang ditanam di bumi. Empunya padi tidak mempercayai kata-kata burung pipit itu. Dia menghantar Si Tekuri dan burung pipit ke bumi semula. Akhirnya, burung pipit dibunuh oleh Si Tekuri kerana berbohong kepada empunya padi.

Teknik Plot

- (a) Pemerian.
- (b) Dialog.
- (c) Monolog.

Unsur Gaya Bahasa

- (a) Bahasa Indonesia. Contohnya, *oleh-oleh*.
- (b) Bahasa klasik. Contohnya, *jera; gerangan; hatta*.
- (c) Hiperbola. Contohnya, *Mereka menuju ke kayangan dengan mempergunakan pelangi sebagai tangganya*.
- (d) Kata ganda. Contohnya, *"Silakan! Periksalah dengan teliti kalau-kalau ada apa-apa yang saya bawa. Sekarang saya sudah betul-betul jera mengambil apa-apa. Saya sungguh-sungguh sudah bertaubat dan tidak mahu lagi melakukannya."*
- (e) Peribahasa. Contohnya, *untung tidak dapat diraih, malang tidak dapat ditolak*.
- (f) Perulangan kata. Contohnya, *Kemudian orang kayangan itu mengambil nasi dan memberikan nasi itu kepada anak yatim piatu*.
- (g) Simile. Contohnya, *Kakinya kerekot, jari-jarinya tumbuh melekat satu sama lain, seperti kaki itik*.

Latar

Latar Masa

- (a) Pada zaman masyarakat tradisional.
- (b) Pada zaman pengaruh Hindu.

Latar Tempat

- (a) Di bumi.
- (b) Di kolam ikan.
- (c) Di tangga pelangi.
- (d) Di kayangan.
- (e) Di sebuah dusun.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang percaya akan tahuyl dan animisme.
- (b) Masyarakat petani.
- (c) Masyarakat yang berakhlak buruk.

Watak dan Perwatakan

Si Bongsu

- (a) Anak yatim piatu.
- (b) Seorang yang bersopan santun.
- (c) Bersifat berani.
- (d) Tidak mudah berputus asa.

Empunya padi

- (a) Petani, iaitu menanam padi di kayangan.
- (b) Seorang yang gagah.
- (c) Bersifar baik hati.
- (d) Seorang yang bijak.

Nilai

- (a) Kecekalan.
- (b) Keberanian.
- (c) Kebijaksanaan.
- (d) Baik hati.
- (e) Kerajinan.
- (f) Ketaatan.
- (g) Kesopanan.

Pengajaran

- (a) Kita harus menjaga harta pusaka ibu bapa kita dengan baik.
- (b) Kita hendaklah bijaksana menyelesaikan masalah.
- (c) Kita hendaklah hidup dengan sifat rajin berusaha dan bekerja.
- (d) Kita mesti taat terhadap kedua-dua ibu bapa kita.
- (e) Setiap orang hendaklah bersikap baik hati.
- (f) Kita hendaklah bersopan santun dalam hubungan kita dengan orang lain.

sebenarnya bermimpi. Ayah "aku" menceritakan mimpiannya itu kepada keluarganya.

Tiba-tiba Anis muncul di ruang dapur sambil membawa Oren. Oren telah mati dan bangkainya ditemukan di celah pokok tua yang tumbang di taman permainan. Seluruh anggota keluarga "aku" tertumpu kepada ayah "aku". Mata beliau kelihatan mulai berkaca.

Tema

Kasih sayang terhadap haiwan peliharaan.

Persoalan

- (a) Kasih sayang yang melibatkan haiwan peliharaan.
- (b) Kasih sayang yang berbelah bahagi telah menyebabkan wujudnya konflik.
- (c) Perasaan bersalah akan dirasai dan disedari apabila berlakunya suatu kehilangan.
- (d) Belas kasihan tidak hanya terhad terhadap manusia tetapi juga meliputi haiwan.
- (e) Perhatian terhadap diri seseorang adalah kerana kebijaksanaannya meletakkan dirinya dan mengambil hati.
- (f) Konflik yang wujud dalam keluarga difahami dan dikongsi bersama.

Plot

Binaan Plot

- (a) Permulaan – Ayah "aku" bertanya tentang Oren, iaitu kucing peliharaannya yang tidak pulang ke rumah. Kegelisahan ayah "aku" tentang kehilangan Oren turut mendapat perhatian anggota keluarganya.
- (b) Perkembangan – Ayah "aku" telah melanggar ibu Oren sehingga menyebabkan ibu Oren mati. Ayah "aku" telah membawa Oren pulang ke rumahnya. Ibu "aku" mengerti sebab Oren dibawa pulang setelah mendengar alasan ayah "aku". Kemudian, ayah "aku" membawa Kelabu pulang ke rumahnya, iaitu seekor anak kucing yang telah mengkoranya ke kereta. Kelabu lebih manja dan pandai menarik perhatian anggota keluarga ayah "aku". Oren pula bersikap pasif dan suka menyendiri.
- (c) Klimaks – Lebih seminggu Oren masih tidak pulang ke rumah. Ayah "aku" berasa bersalah dan gelisah akan kehilangan Oren. Kehilangan Oren telah terbawa-bawa dalam mimpi ayah "aku".
- (d) Peleraian – Ayah "aku" menceritakan mimpiannya kepada anggota keluarga di meja makan. Tiba-tiba, Anis masuk ke dapur dengan membawa bangkai Oren. Oren telah mati dan ditemukan di celah-celah pokok tua yang tumbang semalam. Semua anggota keluarga tertumpu kepada ayah "aku" dan matanya mulai berkaca.

Teknik Plot

- (a) Pemerian.
- (b) Dialog.
- (c) Monolog.
- (d) Imbas kembali.

Latar

Latar Masa

- (a) Hujung pertengahan Disember.
- (b) Waktu malam.
- (c) Waktu petang.
- (d) Waktu pagi.

Latar Tempat

- (a) Jalan di kawasan perumahan.
- (b) Di dapur.
- (c) Di bawah pokok tua yang tumbang di taman permainan.
- (d) Di ruang tamu.
- (e) Di ruang dapur.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat penyayang terhadap haiwan peliharaan.
- (b) Masyarakat yang prihatin.
- (c) Masyarakat yang hidup dalam keluarga harmoni.

> UNIT 4: Cerpen

1. Oren (Saifulliczhan Yahaya)

Sinopsis

Ayah "aku" gelisah kerana kucing belaannya, iaitu Oren tidak pulang ke rumah. Sudah empat hari ayah "aku" tidak melihat kelabit Oren. Oren ialah seekor anak kucing yang telah dipungut selepas ayah "aku" melanggar ibunya sehingga mati. Oren telah menjadi sebahagian daripada anggota keluarga "aku". Ayah "aku" dapat merasakan bahawa Oren merajuk. Hal ini disebabkan oleh kehadiran Kelabu dalam keluarga mereka. Kelabu yang lebih manja dan pandai mengambil perhatian telah membuatkan ayah "aku" dan anggota keluarganya banyak memberikan tumpuan terhadap Kelabu.

Kehilangan Oren membuatkan ayah "aku" berasa bersalah. Kegelisahan ayah "aku" tentang kehilangan Oren telah terbawa-bawa dalam mimpiannya. Ayah "aku" bermimpi Oren telah kembali dan dia bermanja dengan Oren. Pada kesokan harinya, ayah "aku" bertanya tentang Oren kepada anak-anaknya. Selepas diberitahu bahawa Oren masih tidak nampak kelabitnya, barulah ayah "aku" sedar bahawa dia

Watak dan Perwatakan

Ayah "aku"

- (a) Bapa kepada tiga orang anak.
- (b) Suka akan kucing.
- (c) Bersifat belas kasihan.
- (d) Berasa gelisah dan bersalah apabila Oren tidak pulang ke rumah.
- (e) Ketua keluarga yang baik.

Oren

- (a) Kucing yang berbulu oren.
- (b) Ibu Oren telah mati dilanggar oleh kereta ayah "aku".
- (c) Pandai membuat najisnya di tandas atau di dalam longkang.
- (d) Bersikap pasif.

Kelabu

- (a) Kucing yang berwarna kelabu.
- (b) Menunjukkan reaksi yang lebih manja.
- (c) Semasa kecil, Kelabu selalu membuat najis merata-rata tempat.
- (d) Pada awalnya, Kelabu kurus dan tidak terurus.
- (e) Selepas dipelihara oleh ayah "aku" dan anggota keluarganya, Kelabu semakin tembam.

Nilai

- (a) Belas kasihan.
- (b) Keprihatinan.
- (c) Bersimpati.
- (d) Kebijaksanaan.
- (e) Kegigihan.

Pengajaran

- (a) Kita harus bersifat belas kasihan terhadap insan lain.
- (b) Kita hendaklah prihatin dengan perkembangan sekeliling kita.
- (c) Kita haruslah bersimpati terhadap masalah yang dihadapi oleh orang di sekeliling.
- (d) Kita mesti mempunyai kebijaksanaan dalam kehidupan.
- (e) Kita hendaklah gigih dalam melaksanakan sesuatu usaha.

2. Hadiah (*Tie Camar*)

Sinopsis

Azizah ingin memberikan hadiah kepada cikgu kesayangannya, iaitu Cikgu Zaleha sempena sambutan Hari Guru. Walau bagaimanapun, dia tidak mempunyai duit yang banyak untuk membeli hadiah. Rakan-rakannya seperti Rahimah, Zaiton, Hamidah Alizah, Rashid, dan Hashim pula akan memberikan hadiah yang mahal untuk guru-guru kesayangannya masing-masing.

Azizah meminta duit daripada ibu dan bapanya tetapi ibu bapanya mengatakan bahawa mereka tidak mempunyai wang. Oleh itu, Azizah telah membuka tabung arnabnya bagi membeli hadiah untuk Cikgu Zaleha.

Pada suatu hari, ibu Azizah menyarankan agar dia membuat sendiri hadiah untuk gurunya itu. Beliau memberi cadangan supaya Azizah membuat kraf tangan. Alasannya, Cikgu Zaleha seorang perempuan dan tentu dia suka akan barang-barang kraf tangan. Cadangan itu diterima baik oleh Azizah. Pada petang itu, Azizah sibuk menganyam enam tudung saji sebagai perhiasan. Hasil anyamannya sungguh kemas, unik, dan cantik.

Hari Guru pun tiba. Azizah mengayuh basikal sambil membawa hadiah yang dibungkusnya dengan kertas surat khabar. Bermacam-macam andaian bermain-main dalam fikiran Azizah, sama ada Cikgu Zaleha suka akan hadiahnya atau hadiahnya paling akhir dibuka oleh Cikgu Zaleha.

Setibanya di sekolah, semua mata tertumpa pada bungkusnya di tangan Azizah yang sampai lewat. Azizah menyerahkan hadiahnya kepada Cikgu Zaleha dan meminta Cikgu Zaleha membuka hadiah itu di rumah. Cikgu Zaleha mencubit bucu pembalut hadiah itu sambil berkata bahawa sikap Azizah yang rajin, serba boleh, dan kuat berusaha. Kemudian, Cikgu Zaleha menghulurkan Borang

Pertandingan Kraf Tangan Peringkat Daerah kepada Azizah. Cikgu Zaleha mengatakan sekiranya Azizah menang, dia akan berbangga. Sebaliknya, sekiranya Azizah menarik diri bermakna Azizah kalah. Cikgu Zaleha juga berpesan bahawa ukuran bagi nilai kejayaan bukannya pada menang atau kalah tetapi pada kekuatan daya usaha dan ikhlas berjuang untuk meningkatkan kemajuan diri.

Azizah menyertai pertandingan tersebut dengan suntikan kata-kata semangat bapa dan bimbingan ibunya. Akhirnya, Azizah yang digelar Profesor Serba Boleh oleh Cikgu Zaleha muncul sebagai johan peringkat daerah dan naib johan pada peringkat negeri. Pada peringkat kebangsaan, hasil kraf tangan Azizah telah berjaya menambat hati para juri. Cikgu Zaleha pula telah dinobatkan sebagai pemenang Kategori Guru Inovatif pada Hari Guru Peringkat Daerah.

Tema

Kegigihan dan kecekalan murid.

Persoalan

- (a) Penghargaan murid terhadap jasa guru-guru.
- (b) Kemiskinan tidak menghalang seseorang itu menempa kejayaan.
- (c) Kekuatan daya usaha dan ikhlas berjuang adalah faktor penting untuk sesuatu kejayaan.
- (d) Kata-kata semangat dan bimbingan ibu bapa penting dalam menyokong anak-anak untuk berjaya.
- (e) Guru berperanan besar dalam mengembangkan potensi diri murid.
- (f) Kraf tangan merupakan pusaka bangsa yang mesti dikembangkan dalam kalangan generasi muda hari ini.

Plot

Binaan Plot

- (a) Permulaan – Kawan-kawan Azizah asyik bercerita tentang hadiah yang akan dihadiahkan kepada guru kesayangan masing-masing. Azizah berasa malu kerana dia tidak dapat memberi hadiah kepada guru kesayangannya, iaitu Cikgu Zaleha.
- (b) Perkembangan – Azizah meminta duit daripada ibunya untuk membeli hadiah tetapi ibunya mengatakan bahawa dia tidak ada duit. Azizah membuka tabung arnabnya untuk mendapat duit bagi membeli hadiah tetapi duit itu juga tidak mencukupi. Kemudian, Azizah meminta wang daripada bapanya tetapi bapanya juga mengatakan bahawa dia tiada duit. Ibu Azizah memberi cadangan agar Azizah menghadiah Cikgu Zaleha kraf tangan yang dibuat sendiri. Azizah gembira kerana masalahnya sudah selesai. Azizah membuat kraf tangan tudung saji sebagai hadiah untuk guru kesayangannya itu.
- (c) Klimaks – Azizah tiba di sekolah untuk memberikan hadiahnya kepada Cikgu Zaleha. Cikgu Zaleha mengatakan bahawa dia ingin hadiah yang besar. Azizah memberitahu Cikgu Zaleha bahawa dia tidak mempunyai duit untuk membeli hadiah yang besar itu. Cikgu Zaleha sebenarnya mahu Azizah menyertai Pertandingan Kraf Tangan Peringkat Daerah dan itulah yang menjadi hadiah buatnya.
- (d) Peleraian – Azizah menyertai Pertandingan Kraf Tangan tersebut. Azizah dinobatkan sebagai Johan dalam Pertandingan Kraf Tangan Peringkat Daerah dan naib johan peringkat negeri. Hasil kraf tangan Azizah telah menambat hati juri Pertandingan Kraf Tangan Peringkat Kebangsaan. Cikgu Zaleha pula memenangi Kategori Guru Inovatif pada Hari Guru Peringkat Daerah.

Teknik Plot

- (a) Pemerian.
- (b) Dialog.
- (c) Monolog.

Latar

Latar Masa

- (a) Waktu petang.
- (b) Waktu pagi.

Latar Tempat

- (a) Di sekolah.
- (b) Di hadapan tapak perhimpunan.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat guru.
- (b) Masyarakat murid-murid sekolah yang menghargai jasa guru-gurunya.
- (c) Masyarakat yang kaya-raya.
- (d) Masyarakat miskin.

Watak dan Perwatakan**Azizah**

- (a) Murid sekolah rendah.
- (b) Murid yang pandai.
- (c) Murid yang berdisiplin.
- (d) Murid yang serba boleh.
- (e) Mempunyai kemahiran menganyam tudung saji.
- (f) Kuat berusaha.
- (g) Anak yang mendengar kata.

Cikgu Zaleha

- (a) Guru yang baik.
- (b) Pandai merangsang muridnya untuk terus berusaha.
- (c) Pemenang Guru Inovatif Peringkat Daerah.
- (d) Pandai berguru.

Nilai

- (a) Kesopanan.
- (b) Kegigihan.
- (c) Berjimat cermat.
- (d) Bertanggungjawab.
- (e) Berdaya saing.

Pengajaran

- (a) Kita haruslah mempunyai daya saing yang tinggi.
- (b) Kita hendaklah berjimat cermat dengan menabung.
- (c) Kita harus bersopan santun supaya orang lain menghormati kita.
- (d) Kita hendaklah gigih melakukan sesuatu pekerjaan.

3. Kuih Bakul Limau Mandarin (Mohd. Helmi Ahmad)

Sinopsis

Lim Meng yang dihalau oleh bapanya, iaitu Lim Pooi ingin pulang ke rumahnya sempena sambutan Tahun Baharu Cina. Hasrat Lim Meng yang diberitahu menerusi telefon amat menggembirakan hati ibunya, iaitu Sim Pau. Hasrat Lim Meng itu ditentang oleh Lim Pooi. Oleh hal demikian, berlaku pertengkaran antara Sim Pau dengan Lim Pooi. Lim Pooi menganggap Lim Meng telah menyebabkan anak kesayangannya, iaitu Lim Foong yang lemas dalam sungai.

Sim Pau menjelaskan bahawa kematian Lim Foong adalah berpuncu daripada Lim Foong sendiri yang melarikan diri daripada orang yang mengejarnya. Orang itu meminta hutang kalah judi. Malah Sim Pau juga menjelaskan bahawa Lim Foong berperangai buruk seperti berjudi. Bagi Lim Pooi, Lim Foong mati kerana lemas setelah berusaha menyelamatkan Lim Meng. Lim Pooi juga mengatakan bahawa Lim Meng telah menyebabkan kedainya rugi. Dakwaan Lim Pooi itu telah disangkal dan ditentang oleh Sim Pau. Baginya, perniagaan Lim Pooi rugi dan tiada orang kerana sikap buruk Lim Pooi yang tidak berhati perut sehingga menyebabkan perniagaannya lingkup. Sim Pau mengatakan bahawa kedai Lim Pooi dibakar oleh orang yang ingin membalsas dendam terhadap Lim Foong yang berhutang kerana judi. Penerangan Sim Pau itu telah menyedarkan Lim Pooi. Lim Pooi menyesal akan sikapnya terhadap Lim Meng. Dia berasa amat bersalah sehingga dia jatuh sakit.

Akhirnya, Lim Meng pulang. Dia berpelukan dengan ibunya, Sim Pau. Ketika Lim Meng berpelukan dengan ibunya, Lim Pooi datang dari arah belakang. Pada mulanya,

Lim Meng ingin pergi tetapi setelah papanya memanggil namanya dan meminta maaf, Lim Meng terus merangkul dan memeluk papanya. Bermula saat ini, keluarga Lim Pooi kembali bahagia. Mereka bersama-sama menyediakan sambutan Tahun Baharu Cina yang akan tiba.

Tema

Nilai kekeluargaan.

Persoalan

- (a) Kasih sayang seorang ayah kepada anak secara melulu.
- (b) Perasaan dendam seorang ayah terhadap anak yang tidak bersalah.
- (c) Ibu yang berani menentang suami yang berpendirian salah.
- (d) Keinsafan bapa atas kesilapannya yang membenci anaknya yang tidak bersalah.
- (e) Kemaafan seorang anak terhadap ayahnya yang bersalah.
- (f) Kemeriahan sambutan perayaan apabila semua anggota keluarga berkumpul.

Plot**Binaan Plot**

- (a) Permulaan – Sim Pau mendapat tahu bahawa Lim Meng akan pulang pada Tahun Baharu Cina. Sim Pau berasa amat gembira kerana kerinduannya mula terungkai.
- (b) Perkembangan – Lim Pooi memberitahu isterinya bahawa dia tidak membenarkan Lim Meng pulang. Kebencianya terhadap Lim Meng terlalu mendalam. Sejak Lim Meng lahir, perniagaannya rugi, berlaku kecurian, dan kedainya terbakar. Bagi Lim Pooi, Lim Meng jugalah yang menyebabkan Lim Foong meninggal dunia.
- (c) Konflik – Sim Pau yang sopan santun terhadap suaminya terpaksa berkeras dan menentang Lim Pooi. Sim Pau menjelaskan sifat sebenar anaknya, Lim Foong serta punca perniagaan Lim Pooi rugi dan kedainya terbakar.
- (d) Klimaks – Lim Pooi terdiam mendengar segala penjelasan daripada isterinya, Sim Pau. Akhirnya, dia sedar akan kesilapannya. Dia menanti kepulangan Lim Meng dan berusaha mencari Lim Meng. Dalam masa menunggu Lim Meng itu, Lim Pooi jatuh sakit. Dia mengatakan bahawa hanya Lim Meng yang boleh mengubatinya.
- (e) Peleraian – Lim Meng pulang ke rumahnya dan dia berpelukan dengan ibunya, Sim Pau. Lim Pooi datang dan berada di belakangnya. Lim Meng ingin pergi tetapi bapanya telah memanggil Lim Meng dan memohon kemaafan. Lim Meng meluru ke arah bapanya dan berpelukan. Akhirnya, mereka bersama-sama mencari kuih bakul dan limau mandarin untuk sambutan Tahun Baharu Cina.

Teknik Plot

- (a) Pemerian.
- (b) Dialog.
- (c) Imbas kembali.
- (d) Kejutan.
- (e) Saspens.
- (f) Monolog.

Unsur Gaya Bahasa

- (a) Bahasa Cina. Contohnya, *tiada onglah*.
- (b) Bahasa Inggeris. Contohnya, *kompelin*.
- (c) Hiperbola. Contohnya, *Air matanya mula membanjiri pipinya*.
- (d) Metafora. Contohnya, *kandang kemarahan*.
- (e) Peribahasa. Contohnya, *berhati kering; menegakkan benang yang basah*.
- (f) Personifikasi. Contohnya, *Bebola matanya sedikit pun tidak menangkap wajah Sim Pau*.
- (g) Simile. Contohnya, *Sebaliknya, kata-katanya itu ibarat racun yang disembur*.
- (h) Sinkope. Contohnya, *tak; nak*

Latar**Latar Masa**

- (a) Ambang Tahun Baharu Cina.
- (b) Waktu petang.

Latar Tempat

- (a) Di sungai.
- (b) Di stor.
- (c) Di dapur.
- (d) Di bahagian hadapan rumah.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang mempunyai kegoaan yang tinggi.
- (b) Masyarakat yang berani menentang suaminya yang garang.
- (c) Masyarakat Cina yang hidup dengan berminggu.
- (d) Masyarakat yang berperangai buruk.
- (e) Masyarakat yang bersifat pemaaf.
- (f) Masyarakat majmuk yang berbangsa Melayu dan Cina.

Watak dan Perwatakan**Lim Pooi**

- (a) Bapa kepada dua orang anak.
- (b) Peniaga yang tidak jujur dan tidak berhati perut.
- (c) Amat menyayangi anaknya, Lim Foong berbanding dengan Lim Meng.
- (d) Bersikap terburu-buru.
- (e) Bersikap garang apabila mengamuk dan merotan Lim Meng seperti orang gila.
- (f) Sedar akan kesilapannya terhadap Lim Meng dan meminta maaf akhirnya.
- (g) Seorang yang ego.

Sim Pau

- (a) Isteri kepada Lim Pooi.
- (b) Saksama dalam menyayangi dua anaknya.
- (c) Seorang yang lemah lembut.
- (d) Seorang yang garang dan berani menentang suaminya, Lim Pooi.
- (e) Amat merindui anaknya yang dihalau dari rumah oleh suaminya.

Lim Meng

- (a) Anak yang baik.
- (b) Berani apabila berusaha menyelamatkan Lim Foong yang lemas.
- (c) Bersikap pemaaf
- (d) Lim Meng amat merindui ibunya, Sim Pau dan merindui papanya, Lim Pooi.

Lim Foong

- (a) Mencuri duit perniagaan papanya.
- (b) Seorang kaki judi.
- (c) Tidak pandai berenang dan akhirnya lemas dalam sungai.

Nilai

- (a) Keberanian.
- (b) Keinsafan.
- (c) Berkasih sayang.
- (d) Kemaafan.
- (e) Kejujuran.

Pengajaran

- (a) Kita harus berani menentang kesalahan.
- (b) Kita harus insaf dengan kesalahan yang kita lakukan.
- (c) Kita hendaklah sentiasa berkasih sayang.
- (d) Sikap bermaaf-maafan hendaklah diamalkan.
- (e) Kita mesti berkata dengan jujur.
- (f) Kita hendaklah tidak bersikap ego.

 **UNIT 5: Drama****Hadiyah (Aripin Said)****Sinopsis**

Fauziah yang kematian suaminya, Sarjan Akhbar berdepan dengan kesempitan hidup. Dia dan dua orang anaknya, iaitu Hayati dan Farid terpaksa bergantung hidup

dengan bapanya, Pak Mail seorang pesara. Berikutnya kesempitan hidup itu, Yati yang belajar di Sekolah Menengah Seri Setia, Melaka dan duduk di asrama mengambil keputusan untuk pulang ke kampung. Hal ini demikian kerana Yati masih ber hutang dengan pihak sekolah sebanyak empat puluh ringgit.

Sewaktu Pak Mail sedang berbual dengan Fauziah tentang nasib hidup keluarga mereka, Yati pun sampai. Yati bertanyakan khabar ibu dan datuknya. Pak Mail mengatakan bahawa dia telah berunding dengan Datuk Penghulu berhubung dengan masalah mereka. Yati memberitahu ibu dan datuknya bahawa dia telah memaklumkan masalahnya kepada pengetua. Selepas itu, Yati masuk ke dalam bilik. Pak Mail dan Fauziah meneruskan perbualan mereka dua beranak.

Tiba-Tiba, Datuk Penghulu datang bersama dengan Encik Musa dari Kementerian Pertahanan. Encik Musa mengatakan bahawa kedatangan beliau adalah untuk menyampaikan penghargaan negara kepada keluarga Sarjan Akhbar. Selepas itu, Encik Musa pun menyampaikan cek berjumlah sepuluh ribu kepada Fauziah bagi menyara persekolahan anak-anak Sarjan Akhbar. Selepas penyerahan cek itu, Encik Musa dan Datuk Penghulu ingin pulang. Tiba-tiba, Yati muncul. Pak Mail memberitahu Yati bahawa dia akan dihantar ke asrama semula dan meminta Yati belajar rajin-rajin. Yati bertanya kepada datuknya adakah dia boleh belajar semula. Encik Musa mengiyakan dan menasihati Yati agar belajar rajin-rajin. Kemudian Encik Musa minta diri. Pak Mail bersalamans dan mengucapkan ucapan terima kasih. Pak Mail menghantar Datuk Penghulu dan Encik Musa ke pintu.

Tema

Kesempitan hidup.

Persoalan

- (a) Kesedihan dan kesempitan hidup akibat kematian suami.
- (b) Kasih sayang bapa yang sanggup memelihara anaknya yang kematian suami.
- (c) Tanggungjawab seorang ketua yang sanggup membantu anak buahnya yang susah.
- (d) Keprihatinan kerajaan akan nasib keluarga kakitangannya yang menghadapi musibah menerusi pemberian bantuan.
- (e) Berfikiran positif dan reda terhadap nasib diri.

Plot**Binaan Plot**

- (a) Permulaan – Fauziah membaca surat anaknya, Yati yang bersekolah dan tinggal di asrama Sekolah Menengah Seri Setia, Melaka. Dalam surat itu, Yati memberitahu bahawa dia akan pulang ke rumah kerana tidak mahu menambah masalah kewangan keluarga mereka.
- (b) Perkembangan – Pak Mail, iaitu datuk Yati datang dari dapur dan berbual-bual akan nasib keluarga Fauziah. Pak Mail mengatakan bahawa kesempitan hidup yang dihadapi telah dibincang dengan Datuk Penghulu. Yati yang baru pulang dari asrama bertanyakan khabar ibu dan datuknya. Yati menjelaskan bahawa dia telah menceritakan masalah kehidupannya kepada pengetua. Kemudian, Yati masuk ke dalam bilik. Pak Mail dan Fauziah menyambung semula perbualan mereka tentang kematian Sarjan Akhbar. Fauziah kehilangan suami, dia kehilangan menantu, dan Sarjan Akhbar tidak sempat melihat anak bongsunya, Farid. Namun begitu Pak Mail bangga kerana Sarjan Akhbar mati sebagai seorang pahlawan.
- (c) Klimaks – Datuk Penghulu datang bersama-sama Encik Musa, iaitu pegawai daripada Kementerian Pertahanan. Encik Musa mengatakan bahawa beliau ada tugas datang ke rumah Pak Mail.
- (d) Peleraian – Encik Musa menyampaikan penghargaan berupa cek bernilai sepuluh ribu ringgit kepada Fauziah sebagai balu Sarjan Akhbar. Pak Mail memberitahu Yati bahawa Yati boleh bersekolah semula.

Teknik Plot

- (a) Pemerian.
- (b) Dialog.
- (c) Imbas kembali.
- (d) Saspens.
- (e) Imbas muka.

Unsur Gaya Bahasa

- (a) Bahasa Indonesia. Contohnya, *beres*.
- (b) Bahasa Arab. Contohnya, *ikhtiar*.
- (c) Bahasa istana. Contohnya, *bonda; ayahanda; anakanda*.
- (d) Hiperbola. Contohnya, *Fauziah menangis teresak-esak. Sekali-sekala kelihatan bahunya bergoncang*.
- (e) Perulangan perkataan. Contohnya,
PAK MAIL : Ha, itu pun Yati! Yati, esok datuk akan hantar Yati ke asrama semula. Yati mesti belajar rajin-rajin.
- (f) Peribahasa. Contohnya, *Baginya hutang darah perlu dibayar dengan darah; menegakkan benang yang basah; masuk campur.*

Latar**Latar Masa**

- (a) Lebih kurang dua bulan.
- (b) Hari ini.
- (c) Waktu petang.

Latar Tempat

- (a) Di ruang tamu rumah Pak Mail.
- (b) Di Sekolah Menengah Seri Setia, Melaka.
- (c) Di pintu rumah Pak Mail.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat ibu tunggal yang memelihara anaknya tanpa suami.
- (b) Masyarakat perajurit yang sanggup berkorban untuk agama, bangsa dan tanah air.
- (c) Masyarakat yang terdiri daripada golongan tua yang sudah berpencen.
- (d) Masyarakat pemimpin yang bertanggungjawab terhadap anak buahnya.
- (e) Masyarakat pelajar.

Watak dan Perwatakan**Pak Mail**

- (a) Bapa kepada Fauziah.
- (b) Mempunyai dua orang cucu, iaitu Hayati dan Farid.
- (c) Bertanggungjawab.
- (d) Gigih membantu anak dan cucunya yang susah.
- (e) Pandai memberikan nasihat.
- (f) Seorang yang bersopan santun.

Hayati

- (a) Murid sekolah.
- (b) Anak yang bersopan santun.
- (c) Seorang yang berterus terang.
- (d) Berani membuat keputusan.

Fauziah

- (a) Balu kepada Sarjan Akhbar.
- (b) Mempunyai dua orang anak.
- (c) Penyedih.

Nilai

- (a) Bertanggungjawab.
- (b) Pasrah.
- (c) Keprihatinan.
- (d) Kesopanan.
- (e) Kejujuran.

Pengajaran

- (a) Kita harus bertanggungjawab terhadap amanah supaya kita berdosa.
- (b) Kita harus reda dengan nasib kehidupan kita.
- (c) Kita mesti prihatin akan nasib orang di bawah tanggungjawab kita agar mereka terbela.
- (d) Kita mesti bersopan santun terhadap orang lain.
- (e) Kita mesti bersikap jujur supaya tidak berlaku salah faham.

NOVEL

1

DESTINASI IMPIAN*(Mohd Ismail Sarbini)**Edisi: Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Negeri Sembilan***Sinopsis**

Novel *Destinasi Impian* mengisahkan Johari, Azlina dan Firdaus melakukan ekspedisi berbasikal dari Klang ke Morib. Ekspedisi ini merupakan usaha menyahut cabaran yang dilontarkan oleh datuk mereka yang mengatakan bahawa generasi sekarang lemah dan tidak mempunyai semangat yang tinggi. Bagi pihak Johari dan Azlina, ekspedisi berbasikal tersebut juga adalah untuk meningkatkan imej dan semangat Firdaus sebagai seorang lelaki yang bersifat keperempuanan akibat terlalu dimanjakan oleh ibu bapanya. Ekspedisi berbasikal itu telah membolehkan mereka, terutama Azlina mengenali kehidupan di sekelilingnya. Sebaliknya, Firdaus menganggap ekspedisi berbasikal itu sebagai perjalanan gila.

Dalam ekspedisi berbasikal itu, Firdaus sering merungut kerana terlalu lelah. Sikap Firdaus yang tidak sabar itu menimbulkan konflik antara dia dengan adiknya, Azlina. Konflik antara mereka berdua telah menimbulkan perasaan marah serta suasana sindir-menindir dan tengking-menengking. Bagaimanapun, Johari sebagai sepupunya yang lebih matang sentiasa sabar dan bijak menghadapi kerena adik sepupunya

itu. Akhirnya, ekspedisi tersebut berjaya tiba di destinasi, iaitu di Pantai Morib Baru. Firdaus berbangga akan dirinya kerana telah berjaya mengayuh basikal sejauh 50 kilometer.

Di Pantai Morib Baru itu, Firdaus yang tiba lebih dahulu telah disambut oleh rakan-rakannya, iaitu Sazali, Moksin, Salim, Erma, Azrina, dan Mazlinda. Firdaus terkejut kerana kawan-kawannya datang menyambut ketibaannya. Dalam perjalanan tadi, disangkakan kawan-kawannya sedang bergembira menonton wayang dan meraikan majlis sambutan hari lahir Mazlinda, iaitu gadis idamannya. Kawan-kawan Firdaus mengucapkan tahniah kepadanya. Firdaus membohongi kawan-kawannya dengan mengatakan perjalannannya lewat kerana adiknya yang banyak berehat dalam perjalanan. Firdaus juga telah meninggalkan Johari dan Azlina.

Johari dan Azlina sedang duduk-duduk sambil bergembira dengan kawan-kawan Johari yang sama-sama belajar di Universiti Putra Malaysia. Tiba-Tiba Azlina didatangi oleh Moksin dan Sazali yang bertanyakan sama ada betul atau tidak tentang kenyataan Firdaus, iaitu mereka sampai lewat kerana Azlina banyak berehat. Akhirnya, Moksin dan Sazali mengetahui bahawa Firdaus berbohong. Mereka bertekad untuk memaksa Firdaus supaya mengaku bahawa dia berbohong. Sebenarnya, Firdaus berasa sompong akan kejayaannya berbasikal dari Klang ke Morib. Dia juga turut memberitahu Mazlinda bahawa dia pandai berenang juga. Namun begitu, Firdaus sedar bahawa dia tidak sehebat seperti yang dia ceritakan. Oleh itu, perasaan itu terbawa-bawa dalam mimpiinya.

Pada keesokan hari, Johari dan Azlina ingin bertolak pulang. Walau bagaimanapun, Firdaus memberitahu mereka bahawa dia ingin pulang sendiri. Azlina berasa tidak sampai hati meninggalkan abangnya, Firdaus untuk pulang borseorangan. Namun setelah dipujuk oleh Johari, akhirnya mereka berbasikal pulang berdua sahaja. Sementara itu, Firdaus dan rakan-rakannya pergi mandi di laut walaupun air laut sedang surut dan airnya berada di tengah-tengah. Firdaus mandi sambil bergembira dengan rakan-rakannya. Mereka turut berlumba menyelam. Dalam kegembiraan itu, Mazlinda telah dipukul ombak dan terkapai-kapai. Firdaus yang bercakap besar itu terpaksa memberanikan diri untuk menyelamatkan Mazlinda tetapi akhirnya, dia yang lemas.

Sebaik-baik sahaja sedar, Firdaus berada di katil hospital. Di sisinya Johari dan Azlina bertanyakan khabarnya. Firdaus juga mengetahui bahawa dia lemas dan telah diselamatkan oleh Mazlinda yang berpura-pura tidak tahu berenang. Firdaus berasa malu tetapi Johari menasihatinya bahawa setiap tindakan berani hendaklah disertai dengan fikiran yang waras. Dia juga dinasihati agar tidak perlu menundukkan muka terhadap cabaran. Sewaktu Mazlinda datang bersama-sama dengan kawan-kawannya yang lain, Firdaus berasa malu dan ingin menundukkan mukanya. Namun, dia teringat akan nasihat Johari dan Azlina, lantas dia memberanikan dirinya untuk memandang kawan-kawannya itu.

Inti Pati Bab

Johari Teruskan Perjalanan Ini!

- Firdaus mengajak Johari balik daripada meneruskan ekspedisi berbasikal.
- Azlina merakam gambar bunga lalang.
- Johari memuji Azlina yang merakam bunga lalang itu kerana bunga itu lambang kekayaan orang di situ.
- Johari memanggil Azlina untuk melihat abangnya, Firdaus yang duduk di tepi jalan.
- Johari memberitahu Azlina bahawa abangnya, Firdaus mengajak mereka berpatah balik.
- Akhirnya, Johari, Azlina dan Firdaus melakukan undian sama ada mereka akan berpatah balik atau meneruskan ekspedisi berbasikal itu.
- Undian yang dibuat berpihak kepada meneruskan perjalanan berbasikal itu.
- Firdaus menanyakan tujuan ekspedisi berbasikal itu kepada Johari dan Azlina.
- Johari memberitahu Firdaus bahawa ekspedisi yang diadakan itu bertujuan untuk menyahut cabaran datuk dan melihat tanah air yang merdeka secara lebih dekat.
- Azlina menyambung kata-kata Johari dengan mengatakan bahawa ekspedisi ini untuk menjadikan Firdaus orang lelaki.
- Firdaus marah terhadap Azlina atas penjelasan tujuan ekspedisi yang dikatakannya.
- Johari menyabarkan Firdaus dan menyuruh Firdaus menganggap kata-kata Azlina sebagai cabaran.
- Mereka bertiga meneruskan perjalanan sambil melihat kesan sejarah dan persekitaran.
- Azlina memberhentikan basikalnya ketika sampai di suatu kawasan pembinaan jambatan.
- Azlina merakam gambar dua keping papan tanda di situ yang mengandungi kesalahan bahasa.
- Tayar basikal Firdaus ditusuk paku dan menyebabkan tayar basikalnya kempis.
- Firdaus merungut dan menyatakan bahawa sekiranya dia duduk di rumah pasti tiada masalah.
- Azlina menyuruh Firdaus balik ke rumah dan berkepit di bawah ketiak emaknya.
- Firdaus marah terhadap Azlina.
- Johari meninggikan suara untuk meleraikan pertengkaran dua beradik itu.
- Johari menasihati Firdaus dengan mengatakan bahawa perjalanan sentiasa mempunyai halangan dan menasihati mereka agar berani, tabah, dan sabar menghadapinya.
- Selepas itu, mereka bertiga meneruskan perjalanan.

Firdaus Penyesalan Sepanjang Perjalanan

- Firdaus berasa terlalu penat dan menyesal kerana menyertai Johari dan Azlina dalam ekspedisi berbasikal itu.
- Firdaus menganggap perjalanan mereka sebagai perjalanan gila.
- Firdaus melihat Johari dan Azlina yang gigih meneruskan perjalanan.
- Firdaus teringat bahawa perjalanan yang dilakukan adalah bermula daripada perbualan datuk yang mencabar generasi sekarang.
- Firdaus menyertai perjalanan ini adalah untuk menyahut cabaran datuknya.
- Firdaus juga teringat akan sindiran daripada rakan-rakannya tentang perjalanan berbasikal yang disertainya.
- Firdaus terdengar hon yang kuat hingga menyebabkan dia terkejut.
- Firdaus segera membelokkan basikalnya ke kiri lalu terlanggar batu.
- Firdaus mengalami luka kecil di siku dan telah dibalut oleh Johari.
- Mereka meneruskan perjalanan berbasikal tersebut walaupun Firdaus ingin berehat.

Azlina Kerana Abang

- Azlina terasa amat letih setelah mengayuh basikal sejak pulak 7:00 pagi hingga pulak 12:00 tengah hari dan matahari sedang panas terik.
- Azlina teringat akan kata-kata seorang peniaga perempuan yang mengatakan bahawa, sekiranya orang perempuan mahu melakukan pekerjaan yang dimonopoli oleh orang lelaki, dia mestи melakukannya dua kali lebih baik daripada orang lelaki dan barulah kemampuannya akan diiktiraf.
- Azlina merasakan bahawa dia telah berjaya melakukan dua kali lebih baik daripada Firdaus dalam perjalanan berbasikal ini.
- Azlina berharap agar Firdaus berasa tercabar dan berusaha mengatasinya.
- Azlina teringat akan kata-kata Abang Johari tentang persaingan, iaitu persaingan yang sihat akan meningkatkan kualiti tetapi persaingan yang disertai hasad dengki akan menyebabkan sama-sama tidak maju.
- Azlina juga teringat bahawa Johari kuat membaca.
- Azlina teringat bahawa Johari juga bukan sahaja pandai berteori bahkan juga pandai mempraktikkannya.
- Johari juga mengatakan jika kurang membaca akan ketinggalan.
- Tiba-tiba sebuah kereta Volkswagen membunyi hon menyebabkan Azlina terkejut dan segera menepi di tanah merah.
- Pemandu kereta itu bersiul kepada Azlina lalu Azlina teringat akan kata-kata kawannya, Salmah yang mengatakan bahawa perbuatan pemuda itu merupakan cara mengurat fesyen lama.
- Johari dan Firdaus tidak kelihatan lalu Azlina mengatakan bahawa sampai esok pun mereka tidak akan sampai ke Morib.
- Azlina berhenti di gerai air tebu dan minum air tebu sambil menunggu Johari dan Firdaus.
- Sewaktu Azlina menunggu Johari dan Firdaus, dia terbayang wajah abangnya, Firdaus yang tampan tetapi berperwatakan keperempuanan.
- Azlina teringat akan peristiwa rakan-rakan abangnya mengusiknya kerana perwatakan abangnya itu.
- Azlina teringat akan cerita ibunya tentang sebab Firdaus berperwatakan seperti perempuan kerana adik-beradik sebelum Firdaus semuanya perempuan.
- Azlina juga teringat bahawa abangnya, Firdaus tidak pernah bermain bola sepak, sepak takraw atau badminton tetapi lebih gemar menonton televisyen atau menolong kakak-kakaknya memasak.
- Tiba-tiba bunyi hon sebuah kereta yang disertai bunyi brek mencengkam jalan menyedarkan Azlina daripada lamunan.
- Azlina segera tersenyum apabila melihat Johari dan Firdaus berbasikal ke arahnya.
- Azlina bertanyakan sebab mereka lambat dan abangnya merungut mengatakan bahawa ekspedisi itu merupakan suatu kerja gila.

- Johari menghulurkan air tebu kepada Firdaus sambil memberitahu Azlina bahawa mereka lambat kerana Firdaus berehat dan dia terpaksa menunggu.
- Johari memberitahu jika dia tidak menunggu, Firdaus hendak balik ke Klang dengan menaiki bas.
- Azlina mengingatkan Firdaus akan ejekan datuknya menyebabkan dia dimarahi oleh Firdaus dengan menyuruhnya diam.
- Azlina mengatakan bahawa dia sudah ada dua orang kakak dan dia mahu seorang abang.
- Firdaus menundukkan kepalanya dan perbuatannya itu mengecewakan Azlina kerana perbuatan itu lambang orang yang takut memandang cabaran di hadapan.
- Abang Johari memberitahu mereka bahawa lima minit lagi mereka akan meneruskan perjalanan.

Johari Antara Mereka Berdua

- Johari tahu bahawa Firdaus keletihan.
- Johari teringat akan kata-kata Firdaus bahawa perjalanan ini dinamakan perjalanan gila.
- Johari tidak berhasrat untuk mendera sepupunya itu tetapi sekadar untuk mengajar mereka betapa nikmatnya hidup apabila mampu memenuhi cabaran.
- Johari berharap agar perjalanan ini menjadikan Azlina dan Firdaus sebagai remaja yang lasak, pandai berdikari, dan berani sebagai bekalan untuk meredah rimba kehidupan.
- Perjalanan berbasikal diteruskan sehingga pukul 2:30 petang dan peluh menitik sepanjang jalan, namun Johari sedar bahawa peluh itu sering dikaitkan dengan pekerjaan dan pekerjaan dikaitkan dengan penat.
- Johari berharap agar sepupu-sepupunya itu akan mengenali makna penat dan mengerti pula penat lelah ibu bapa mereka membesarakan mereka.
- Johari berharap agar sepupu-sepupunya itu juga tidak terlalu banyak meminta tetapi menyuburkan sikap berdikari dalam jiwa.
- Johari turut berharap agar sepupu-sepupunya itu memahami makna penat para pejuang tanah air lalu mereka berusaha untuk menghargai dan mengisi kemerdekaan ini dengan sebaik-baiknya.
- Johari melihat perjalanan berbasikal ini tidak jauh berbeza dengan kehidupan manusia dan diharapkan dia, Azlina, dan Firdaus tidak dapat menipu apa-apa yang ada di hadapan tetapi menempuhinya dengan tabah dan berani.
- Dalam berbasikal itu, Johari dapat melihat perbezaan antara Azlina dengan Firdaus, iaitu Firdaus lebih memikirkan penat tetapi Azlina suka mengkritik dan tidak melenting apabila dikritik.
- Azlina lebih peka dan bersikap kritis terhadap apa-apa sahaja yang dilihatnya.
- Johari, Azlina, dan Firdaus berehat di pekan Banting.
- Johari menyatakan bahawa mereka telah kalah kepada datuk mereka kerana datuk mereka berbasikal ke Morib balik hari tetapi mereka mula berbasikal sejak pukul 7:00 lagi hingga sudah pukul 3:00 petang, namun masih belum sampai.
- Azlina menyatakan bahawa mereka banyak berehat dan kata-kata itu adalah luahan tidak puas hati Azlina terhadap sikap abangnya yang banyak berehat.
- Firdaus pula menyatakan bahawa dia terlalu penat tetapi Azlina menyatakan bahawa semua orang penat tetapi jika ada semangat, rasa penat akan hilang.
- Johari menegur sepupu-sepupunya yang bertengkar dan mengajak meraka memulakan perjalanan mereka yang tinggal 15 kilometer sahaja lagi.
- Johari menunjukkan rumah jaguh badminton negara apabila sampai di seberang rumah jaguh tersebut tetapi Firdaus tidak berminat dengan perkara itu.
- Azlina bertengkar dengan Firdaus dan mengatakan bahawa abangnya itu lebih berminat dengan cerita bintang filem dan penyanyi yang banyak terdiri daripada lelaki lembut.
- Firdaus mengatakan bahawa penyanyi juga penting sama seperti ahli sukan kerana ada penyanyi menyanyikan lagu patriotik.
- Azlina mengatakan bahawa lagu patriotik tidak diminati tetapi lagu yang bertemakan cinta, putus asa, dan merana yang dipuja-puja oleh Firdaus.

- Johari mengangkat ibu jari apabila melihat Azlina dapat mematahkan hujah abangnya sehingga abangnya mengalah.
- Perjalanan mereka diteruskan lagi.

Firdaus Kesal Belum Bernoktah

- Firdaus benar-benar marah akan sikap adiknya, Azlina.
- Firdaus tersinggung dengan pendapat Azlina yang mengatakan bahawa penyanyi yang menyanyikan lagu cinta tidak berguna.
- Firdaus berpendapat bahawa manusia di muka bumi ini perlu dicintai dan mencintai.
- Firdaus bermonolog adakah dia bersalah untuk mencari ketenangan dengan mendengar lagu cinta seperti Azlina yang mencari ketenangan dengan cara berjoging.
- Dalam pada itu, Firdaus telah meninggalkan Azlina dan Johari jauh di belakang.
- Tiba-tiba Firdaus mengesyaki Azlina dan Johari bercinta, namun dia tidak mahu mempedulikan perkara itu kerana bukan tiada sepupu bercinta dengan sepupu, malah cinta itu buta.
- Firdaus terbayang pula akan wajah rakannya, Salim yang baik dengannya dan telah mengajaknya menonton wayang tetapi pelawaan itu terpaksa ditolak kerana dia menyertai ekspedisi berbasikal ini.
- Firdaus amat menyesal apabila menolak pelawaan Salim kerana ketika dia bermandi peluh, rakan-rakannya pula berseronok menonton wayang.
- Kekesalan Firdaus bertambah-tambah lagi apabila mengingati hari esok merupakan majlis sambutan hari lahir Mazlinda, iaitu gadis pujaan hatinya.
- Dia membayangkan Mazlinda yang jelita itu bertambah jelita dengan pakaian baharu dan istimewa sambil melayan tetamu dengan mesra.
- Azlina memintas Firdaus sambil memberitahunya bahawa Morib makin dekat dan mengajak Firdaus berlumba tetapi Firdaus tidak memberikan reaksi.
- Azlina menyindir Firdaus menyebabkan Firdaus marah.
- Tiba-tiba datang sebuah lori besar yang bergerak sangat laju dan angin lori itu menyebabkan Firdaus dan Azlina terbabas ke kiri jalan.
- Azlina yang terbabas itu jatuh lalu terlenggar sebuah lubang yang agak besar dan dalam.
- Johari segera mendapatkan Azlina tetapi Firdaus mengatakan bahawa kemalangan Azlina adalah balasan terhadap perbuatan Azlina yang suka memperlinya.
- Johari memberitahu Firdaus bahawa dia berdendam, tetapi Firdaus menyatakan bahawa dia juga tahu sakit hati.
- Johari menyatakan bahawa Azlina memperlanya supaya dia menjadi lelaki yang berani menyahut cabaran.
- Johari mengingatkan Firdaus bahawa persaingan yang disertai dendam kesumat bukan persaingan kerana itu persaingan yang merugikan.
- Firdaus mengatakan bahawa Johari selalu memenangkan Azlina dan Johari membala dengan mengatakan bahawa selama ini Firdaus menganggap dia pilih kasih.
- Firdaus diam sahaja dan meneruskan perjalanan.

Johari Api Itu Mesti Dipadamkan

- Johari memberitahu Azlina bahawa Firdaus betul-betul marah terhadapnya tetapi Azlina memberitahu Johari agar tidak risau.
- Azlina menyatakan bahawa Firdaus memang begitu, iaitu cepat marah apabila penat.
- Johari dan Azlina berbual tentang luka Azlina yang seolah-olah tiada kesan.
- Johari bimbang apabila mengenangkan dendam Firdaus terhadap Azlina.
- Johari memberitahu Firdaus bahawa jauhnya Morib tidak sampai dua kilometer lagi tetapi seperti tidak diendahkan lalu Johari berpendapat bahawa Firdaus juga mendendaminya.
- Johari memberitahu Firdaus bahawa mereka akan ke Pantai Morib Baru sambil memberitahu Firdaus agar membelok ke kanan apabila sampai di selekoh.
- Ternyata Firdaus marah kepada Johari dan dengan itu, Johari hanya mengekor Firdaus supaya Firdaus tidak sesat.

- Johari teringat akan kata-kata Azlina bahawa Firdaus cepat marah apabila penat dan berpendapat apabila sampai di pantai Morib, penat Firdaus akan hilang setelah dia mandi-manda.
- Johari berkata dalam hatinya bahawa dia mesti memadamkan api dendam Firdaus itu tetapi Johari tertanya sendiri sama ada Firdaus faham atau tidak akan kata-katanya itu nanti.

Firdaus Tidak Kuduga

- Firdaus mengimbau kembali tindakannya terhadap Johari dan Azlina.
- Firdaus beranggapan bahawa Johari sepatutnya menerima usikan, sindiran atau cabaran Azlina itu sebagai perkara yang menyakitkan hatinya.
- Firdaus tahu bahawa Pantai Morib semakin hampir tetapi apabila dia memikirkan tutur kata dan tindakan adiknya serta sepupunya, kegembiraan itu tidak terasa di hatinya.
- Firdaus tertanya sendiri sama ada dia masih mampu bersama-sama dengan Azlina dan Johari, namun sekiranya perasaan sakit hatinya tidak hilang, dia akan meninggalkan Azlina dan Johari.
- Firdaus berpendapat jika dia balik pada petang itu dengan menaiki bas, dia tidak peduli akan sindiran datuknya, malah dia akan dapat bersama-sama dalam kemeriahan sambutan hari lahir Mazlinda.
- Firdaus bangga kerana dia berjaya mengayuh basikal sejauh 50 kilometer.
- Firdaus berbangga kerana dapat membuktikan kepada Moksin, Sazali, dan beberapa orang temannya bahawa dia telah sampai ke Morib tanpa menaiki bas, kereta, atau ambulans.
- Johari teringat akan kata-kata Johari yang memberitahunya arah ke Pantai Morib Baru.
- Setelah memblok ke sebelah kanan, Firdaus tiba ke Pantai Morib Baru dan dia berbangga akan kejayaannya.
- Firdaus terkejut apabila kawan-kawannya menyambut ketibaannya di Pantai Morib Baru itu.
- Firdaus menerima ucapan tahniah daripada kawan-kawannya, terutama ucapan daripada Mazlinda, gadis idamannya.
- Firdaus terasa seluruh penatnya telah hilang.

Johari Kuinjaki Destinasi Ini

- Azlina memberitahu Johari bahawa Firdaus tidak mempedulikan mereka.
- Johari memang sengaja mengajak Azlina berhenti di bawah teduhan pokok ru untuk melihat Firdaus disambut oleh rakan-rakannya.
- Selepas Firdaus beredar, Johari memberitahu Azlina bahawa mereka juga akan disambut oleh rakan-rakannya.
- Johari dan Azlina menyertai rakan-rakan Johari.
- Azlina berkenalan dengan rakan-rakan Johari serta Kasmadiana, iaitu adik Kasman.
- Johari dan Azlina pergi berjumpa dengan Firdaus.
- Johari mengucapkan tahniah kepada Firdaus sambil bertanyakan sama ada Firdaus ingin ikut serta rakan-rakannya atau mengikuti dia.
- Firdaus menyatakan bahawa dia ingin bersama-sama dengan rakan-rakannya.
- Azlina berasa marah akan sikap abangnya itu yang melupakan dia dan Johari yang bersusah payah menunggunya semasa berbasikal.
- Azlina memberitahu Johari bahawa Firdaus mungkin berdendam.
- Johari terdiam, namun kemudian dia berpendapat bahawa Firdaus tidak berdendam tetapi dia begitu seronok kerana kawan-kawannya menantinya sehingga terlupa akan dia dan Azlina.
- Johari dan Azlina balik ke khemah mereka semula dan bergembira dengan rakan-rakannya yang sudah menanti dengan air dan makanan.

Bab 9: Azlina Senja Di Pantai

- Kasmadiana memuji Azlina atas kejayaan Azlina berbasikal sejauh 50 kilometer.
- Azlina menyatakan bahawa dia hanya mengikuti abang Johari.
- Kasmadiana memberitahu Azlina bahawa abangnya, Kasman juga suka berbasikal.

- Azlina pula menyatakan bahawa dia, Johari, dan Kasman merancang untuk mengelilingi Malaysia dengan berbasikal sambil bertanya Kasmadiana sama ada abangnya, Kasman ada mengajaknya atau tidak.
- Kasmadiana menyatakan bahawa abangnya ada mengajak tapi dia malu.
- Kasmadiana turut menyatakan bahawa abangnya, Kasman dan Tamrin berbasikal ke Bagan Lalang dan bermula di situ, mereka berdua bercerita tentang kisah empat orang mati lemas.
- Selepas itu, Azlina dan Kasmadiana bercerita tentang lokasi dan perbezaan antara Pantai Morib Baru dengan Pantai Morib Lama.
- Tiba-tiba, Moksin dan Sazali datang dan mengucapkan tahniah sambil berkenal-kenalan dengan Kasmadiana.
- Moksin dan Sazali memberitahu hajat mereka, iaitu mereka mahu tahu akan kebenaran tentang kelewatan ekspedisi berbasikal itu yang disebabkan oleh Azlina yang banyak berehat.
- Azlina memberitahu mereka bahawa Firdaus telah menemberangkan mereka.
- Peristiwa Firdaus berbohong diceritakan kepada Johari dan tindakan Azlina itu dipersetujui kerana berbohong itu tidak baik.
- Azlina mendengar Tamrin melaungkan azan maghrib.

Firdaus Usah Lupa Bumi Yang Dipijak

- Firdaus dan Mazlinda duduk di bawah pokok ru pada petang itu sementara itu kawan-kawannya mandi-manda.
- Firdaus menanyakan Mazlinda tentang sebab dia tidak mandi tetapi Mazlinda menyatakan bahawa dia sudah puas mandi sewaktu menanti Firdaus.
- Firdaus juga menanyakan Mazlinda sebab dia dan kawan-kawannya tidak pergi menonton wayang dan mengadakan majlis sambutan hari lahirnya.
- Mazlinda mengatakan bahawa dia kecewa kerana ibu bapanya terpaksa ke Sarawak atas urusan perniagaan.
- Mazlinda menyatakan bahawa dia terdengar kawan-kawannya bercerita tentang Firdaus yang berbasikal ke Morib lalu ingin mengikuti Moksin dan Sazali yang mahu ke sini.
- Mazlinda memuji kehebatan Firdaus dan membuatkan Firdaus berasa amat bangga.
- Mazlinda beranggapan juga bahawa Firdaus pandai berenang dan anggapan itu diakui oleh Firdaus walaupun sebenarnya dia tidak sedemikian.
- Mazlinda menyatakan bahawa dia suka mandi laut tetapi di tempat cetek kerana takut lemas.
- Firdaus mengatakan bahawa Mazlinda tidak perlu takut jika dia ada sambil membuktikan kata-katanya menerusi kejayaannya berbasikal.
- Mazlinda memberitahu bahawa dia belum melihat Firdaus membuktikan kehandalannya berenang dan Mazlinda mahu Firdaus membuktikannya esok.
- Tiba-tiba Moksin dan Sazali datang dan menyatakan bahawa mereka pergi merayau-rayau dan memperoleh suatu rahsia sambil tergelak.
- Pada malam hari, Firdaus bermimpi tentang Azlina yang memarahinya kerana dia mengatakan bahawa ekspedisi berbasikal itu tiba lewat oleh sebab Azlina banyak berehat.
- Dalam mimpi itu juga, Sazali dan Moksin mengatakan bahawa dia pembohong dan mendesak dia mengaku sambil mengangkat dia lalu dicampak ke laut.
- Firdaus hampir lemas lalu menjerit meminta pertolongan.
- Firdaus dikejutkan dan dia mendapati dirinya bermimpi.
- Firdaus cuba melepaskan matanya tetapi dia terdengar deburan ombak dan berasa takut jika mimpi ini menjadi kenyataan.
- Kemudian dia terdengar suara Mazlinda yang mengatakan bahawa dia perenang yang handal dan tentu dapat mencari pantai.
- Firdaus juga baru teringat akan Azlina dan Abang Johari yang belum dia kunjungi di khemah mereka.
- Firdaus tertanya sendiri sama ada dia bersalah dan sebab dia berperasaan demikian.

Johari Perubahan

- Azlina bertanyakan abangnya, Firdaus tetapi Johari memberitahu bahawa Firdaus ingin pulang sendiri.
- Azlina bertanyakan Johari sama ada Johari sampai hati membiarkan Firdaus berbasikal seorang diri.
- Johari menasihati Azlina supaya tidak risau kerana abangnya, Firdaus telah menjadi lelaki yang berani dan pandai berdikari seperti yang dikehendaki.
- Selepas berkemas, Azlina dan Johari berbasikal untuk pulang tetapi berhenti di persimpangan.
- Azlina berasa sedih kerana bimbang sekiranya Firdaus ditimpak kemalangan.
- Johari juga berperasaan seperti Azlina tetapi dia mengajak Azlina meneruskan perjalanan sambil menyatakan bahawa sekurang-kurangnya Firdaus telah membuang sikap bergantung pada orang lain.
- Azlina mengayuh basikalnya lambat-lambat meninggalkan Pantai Morib Baru.

Firdaus Pahit Manis Dalam Perjalanan

- Moksin memberitahu Firdaus bahawa dia ternampak Azlina dan Johari balik sambil bertanya Firdaus sama ada dia akan balik sendiri.
- Firdaus menempelak Moksin dengan mengatakan bahawa dia boleh balik sendiri.
- Selepas itu, mereka pergi mandi di tengah-tengah kerana air laut surut ke tengah.
- Firdaus berasa tercabar apabila Mazlinda mengatakan bahawa dia ingin belajar berenang daripadanya.
- Mereka berlumba menyelam untuk mencari orang yang paling lama menyelam.
- Mazlinda muncul sebagai pemenang paling lama menyelam.
- Tiba-tiba, Mazlinda dipukul ombak lalu dia menjerit meminta pertolongan.
- Firdaus memberanikan diri untuk membantu Mazlinda tetapi dia terasa kakinya ditarik ke bawah dan akhirnya dia lemah lalu lemas.
- Abang Johari dan Azlina bertanyakan khabar kepada Firdaus yang terbaring di katil hospital.
- Abang Johari memberitahu bahawa dia pengsan ketika dibawa ke hospital.
- Firdaus segera bertanyakan Mazlinda yang ingin ditolongnya itu.
- Azlina memberitahunya bahawa Mazlinda selamat dan menjawab pertanyaan Firdaus bahawa Mazlindalah yang menolongnya.
- Azlina memberitahu Firdaus bahawa Mazlinda berpura-pura tidak tahu berenang kerana ingin mengujinya.
- Abang Johari menyatakan kepada Firdaus bahawa keberaniannya itu disertai dengan perasaan semata-mata tanpa pertimbangan yang bijak dan berharap agar Firdaus tidak mengulangi tindakan bodohnya itu.
- Abang Johari juga menasihati Firdaus supaya tidak cepat berasa angkuh akan sesuatu kejayaan.
- Firdaus hanya menundukkan kepala apabila mendengar nasihat Abang Johari.
- Abang Johari menyuruh Firdaus mengangkat kepala kerana dia sudah menjadi orang yang berani dan orang berani tidak menundukkan muka sambil menasihatkan Firdaus agar keberanian itu disertai dengan fikiran yang waras.
- Firdaus berasa insaf.
- Mazlinda dan kawan-kawannya datang dan Firdaus ingin menundukkan muka kerana berasa malu.
- Firdaus teringat akan kata-kata Abang Johari dan segera mengangkat kepalanya untuk memandang Mazlinda dengan berani.

Tema

Cabarannya yang dihadapi berikutnya cabaran generasi tua yang mengatakan bahawa generasi kini tidak kuat dan tidak bersemangat.

Persoalan

- (a) Ekspedisi berbasikal yang penuh dengan cabaran merupakan analogi terhadap kehidupan kita sebenar.

- (b) Kejayaan hanya diperoleh dengan kesungguhan dan kekekalan.
- (c) Kebijaksanaan seorang ketua dalam mentadbir urus konflik dalam memastikan program yang dilaksanakan berjaya.
- (d) Martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan masih rosak ekoran sikap rakyat yang tidak prihatin terhadap ejuan dan struktur ayat yang betul.
- (e) Kemanjaan yang diberikan kepada anak secara tidak betul akan mengakibatkan anak-anak berhadapan dengan konflik identiti.
- (f) Pembohongan akan diketahui juga akhirnya dan tidak mendatangkan kebaikan pada diri sendiri.

Watak dan Perwatakan

- (a) Watak utama: Firdaus
- (b) Watak sampingan: Azlina, Johari, Moksin, Sazali, Salim, Mokhtar, Mazlinda, Erma, Zarina, Tamrin, Kasman, dan Kasmadiana.

Firdaus

- (a) Anak kelima dalam keluarga.
- (b) Berperwatakan keperempuanan.
- (c) Berwajah tampan, berhidung mancung, berkulit putih, berbadan tinggi lampai, dan berambut keriting halus.
- (d) Berubah menjadi seorang yang positif.
- (e) Sanggup sahut cabaran.
- (f) Berani untuk menyelamatkan kawannya yang kononnya lemas ketika berenang.
- (g) Insaf akan kesalahan diri.

Azlina

- (a) Anak bongsu dalam keluarga.
- (b) Berbadan kurus dan tinggi lampai orangnya.
- (c) Lasak dan aktif.
- (d) Olahragawati Sekolah Menengah Kapar.
- (e) Bijak berkata-kata.
- (f) Berani.
- (g) Penyayang.

Johari

- (a) Sepupu Azlina dan Firdaus.
- (b) Mahasiswa Universiti Putra Malaysia.
- (c) Gemar berbasikal sejak sekolah rendah.
- (d) Penyabar.
- (e) Suka membaca.
- (f) Banyak mempunyai pengetahuan.

Plot

Binaan Plot

- (a) Permulaan – Cerita bermula dengan ekspedisi berbasikal yang telah menyebabkan Firdaus berasa sangat letih dan ingin membatalkan perjalannya. Diceritakan juga tujuan ekspedisi berbasikal ini adalah untuk menyahut cabaran datuk mereka.
- (b) Perkembangan – Kisah berkisar tentang ekspedisi berbasikal yang telah menemukan mereka dengan gejala pencemaran bahasa dan rumah jaguh badminton negara. Perjalanan berbasikal itu juga menyebabkan mereka berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti terjatuh dari basikal, bertengkar, dan lain-lain.
- (c) Konflik – Azlina dan Firdaus telah bertengkar dan sindir-menindir berikutnya sikap Firdaus yang menganggap perjalanan ini sebagai perjalanan gila dan sering kali Firdaus ingin berpatah balik.
- (d) Klimaks – Firdaus menyimpan perasaan marah dan dendam terhadap Azlina dan Johari. Malah, sewaktu Azlina terjatuh dari basikal dan tangannya berdarah, Firdaus sempat memerlanya dan terus meninggalkan Azlina dan Johari di situ.
- (e) Peleraian – Johari, Azlina, dan Firdaus telah sampai di destinasi, iaitu Pantai Morib Baru. Johari dan Azlina menyertai rakan-rakan Johari manakala Firdaus menyertai rakan-rakannya seperti Moksin, Sazali, Erma, dan Mazlinda. Mereka bergembira sambil mandi-manda. Keesokan harinya,

Johari dan Azlina pulang tanpa Firdaus yang masih mandi-manda di laut. Sewaktu bermain air laut itu, Firdaus telah lemas tetapi diselamatkan Mazlinda. Johari dan Azlinda melawat Firdaus di hospital dan menasihati Firdaus agar bersikap waras dan berani menghadapi cabaran. Kemudian, kawan-kawan Firdaus datang melawat.

Teknik Plot

- Pemerian. Contohnya, Johari memerihalkan keadaan Firdaus yang kelihatan begitu letih manakala Azlina pula sedang asyik merakam gambar bunga lalang di tanah terbiar.
- Dialog. Contohnya, dialog antara Johari dengan Firdaus yang bertanyakan jarak ke Pantai Morib Baru.
- Monolog. Contohnya, Azlina bermonolog tentang perwatakan abangnya, Firdaus yang tampan tetapi tingkah lakunya agak keperempuanan.
- Imbas kembali. Contohnya, Firdaus teringat akan kawannya yang bernama Salim yang merupakan kawan rapatnya di sekolah.
- Imbas muka. Contohnya, Firdaus berfikir sekiranya dia balik pada petang itu, maka bolehlah dia ke majlis hari lahir Mazlinda yang akan diadakan pada kesokan hari.
- Saspens. Contohnya, Johari segera menerpa ke arah Firdaus yang sedang membongkok mengambil seketul batu untuk menghalangnya daripada membaling adiknya, Azlina dengan batu tersebut.

Latar

Latar Tempat

- Tanah terbiar, iaitu tempat Azlina merakam gambar bunga lalang.
- Sekolah Menengah Kapar.
- Kampung Bukit Kapar.
- Meru.
- Klang.
- Jambatan Musaedin.
- Pekan Banting.
- Pantai Morib Baru.
- Hospital.

Latar Masa

- Waktu pagi.
- Waktu petang.
- Waktu malam.
- Hari Sabtu.
- Bulan Jun.

Latar Masyarakat

- Masyarakat yang sabar.
- Masyarakat yang lasak dan aktif.
- Masyarakat lelaki yang berperwatakan perempuan.
- Masyarakat yang mementingkan diri sendiri.
- Masyarakat yang tidak mengenang budi.
- Masyarakat yang mempunyai semangat juang yang tinggi.
- Masyarakat yang taat pada perintah agama.

Unsur Gaya Bahasa

- Simile. Contohnya, *bahasa Melayu sudah menjadi seperti air atau udara; dia tidak menunjukkan apa-apa reaksi bagaikan suaraku diterbangkan angin laut; dendam itu laksana api besar*.
- Sinkope. Contohnya, *Abang nak sorong basikal itu?; Budak sekarang tak kuat. Tak ada semangat*.
- Bahasa Arab. Contohnya, *halal, mahram, azan*.
- Bahasa Inggeris. Contohnya, *camping, no problem*.
- Peribahasa. Contohnya, *bagaikan langit dengan bumi; air muka; kuman di seberang laut tetapi tidak nampak gajah di depan mata; bermandi peluh; indah khabar dari rupa*.
- Metafora. Contohnya, *rimba kehidupan, gunung kebanggaan, lagu keriangan*.
- Personifikasi. Contohnya, *angin kencang yang menampar-nampar muka; persoalan itu mengetuk-ngetuk benaku; sekejap sahaja mereka hilang ditelan kegelapan malam*.

Nilai

- Kecekalan. Contohnya, Firdaus, Azlina, dan Johari cekal berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam ekspedisi berbasikal dari Klang ke Morib.
- Keberanian. Contohnya, Firdaus berani untuk menyelamatkan Mazlinda yang keroncong lemas ketika berenang di Pantai Morib.
- Kasih sayang. Contohnya, Azlina sayang akan abangnya, Firdaus. Dia bimbang hendak membiarkan Firdaus mengayuh basikal seorang diri untuk pulang ke rumah.
- Berpengetahuan. Contohnya, Johari banyak mempunyai pengetahuan apabila dapat menerangkan bangunan berasal yang ditemukan semasa ekspedisi berbasikal.
- Bersimpati. Contohnya, Johari bersimpati dan segera membantu Azlina yang tercampak apabila basikalnya terbabas ke kiri jalan.
- Baik hati. Contohnya, rakan-rakan Firdaus seperti Moksin, Sazali dan beberapa temannya yang lain telah menunggu di Pantai Morib dengan menyediakan khemah.

Pengajaran

- Kita hendaklah cekal dalam menempuh cabaran hidup supaya kita berjaya mencapai matlamat.
- Kita perlu membaca agar banyak memperoleh pengetahuan supaya kita tidak ketinggalan.
- Kita harus berani menentang tindakan yang tidak betul supaya kita memperoleh kejayaan.
- Kita harus bersimpati terhadap mereka yang malang agar mereka mendapat pertolongan.
- Kita mesti prihatin akan orang di sekeliling agar mereka tidak terjebak dalam masalah.
- Kita mesti bersikap baik hati supaya wujudnya masyarakat yang penyayang.

2

FORMULA TERMODINAMIK

(Obasiah Haji Usman)

Edisi: Melaka, Pahang, Terengganu, Kelantan

Sinopsis

Novel ini berlatarbelakangkan Kampung Warisan di Papar, Sabah. Memaparkan watak utama iaitu Amir dan rakannya Usamah telah berjaya mencipta dan mengubah suai mesin rumput yang terpakai untuk petani melakukan kerja menanam padi. Mesin yang dinamakan 2 dalam 1 diubahsuai berpandukan Formula Dua Hukum Popular Termodinamik. Aswan mengetahui rancangan Amir dan Usamah. Dia berasa tidak senang hati dan pelbagai usaha dilakukan olehnya untuk menyayangi ciptaan Amir dan Usamah. Buktinya Aswan berjaya mencuri pemacu pena yang mengandungi Formula Termodinamik dan hampir terlibat dengan jenayah siber apabila dalam pemacu pena tersebut mengandungi maklumat perniagaan yang nyaris-nyaris membuatkan dia terlibat dalam jenayah siber.

Akhirnya, Aswan berasa sangat insaf setelah lemas dibawa arus semasa Majlis Sambutan Hari Krismas. Aswan berasa menyesal dan memohon maaf terhadap Amir yang kebetulan membantu menyelamatkannya semasa lemas. Amir tidak menyimpan sebarang dendam dan sedia memaafkan Aswan dan rakan-rakannya.

Amir dan Usamah akhirnya berjaya memenangi Anugerah Saintis Muda dan mereka diberi biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara. Mereka akan pulang membawa sebuah kejayaan yang gemilang.

Inti Pati Bab

Bab 1

- Amir dan Asma sedang berbual sambil terkenang akan kehidupan mereka sewaktu kecil.
- Kedatangan Usamah membawa perkhabaran bahawa mereka ada menerima e-mel.

- Amir meramalkan bahawa e-mel tersebut daripada Profesor Othman.
- Mereka sedang merancang satu projek baru yang memerlukan Formula Termodinamik.
- Amir dan Usamah ingin mengubah suai sebuah mesin rumput terpakai.
- Mereka meminta Profesor Othman memberikan Formula Dua Hukum Popular dan menerangkan prinsipnya.
- Setelah memahami prinsip dan teorinya, mereka berasa sangat gembira dan yakin projek ini akan berjaya.
- Mereka sepakat untuk mengubah suai mesin rumput tersebut berpandukan Formula Dua Hukum Popular Termodinamik.

Bab 2

- Aswan tidak senang duduk apabila mengetahui Amir dan rakan-rakannya sedang mencipta mesin 2 dalam 1.
- Aswan sebenarnya tidak senang jika ada orang lain yang lebih hebat daripadanya.
- Aswan juga mahu mengubah suai mesin rumput yang mampu berfungsi untuk menanam padi.
- Aswan semakin tercabar, Majibon mencadangkannya agar merujuk kepada Amir dan Usamah tentang formula tersebut.
- Aswan akur kerana dia tidak ingat apa-apa tentang teori kejuruteraan.
- Dia tidak mungkin mampu mendapatkan kerjasama dengan Profesor Othman.
- Aswan memohon kerjasama daripada Fikri dan Majibon.
- Fikri bersetuju dengan meletakkan syarat supaya mereka tidak menganggap Amir dan Usamah sebagai musuh.

Bab 3

- Aswan dan dua rakannya datang ke rumah Usamah.
- Amir dan Usamah sedang sibuk mengubah suai mesin rumput tersebut.
- Mesin tersebut dinamakan 2 dalam 1, dengan kuasa 6 kw, kincir angin model SAMA, iaitu singkatan Sabah, Malaysia.
- Amir menjelaskan cara-cara pengoperasian mesin tersebut melalui pemindahan haba negatif secara serta-merta.
- Pergerakan mesin dikawal dengan berpandukan suhu.
- Fikri menyatakan hasrat untuk menyertai Amir dan Usamah.
- Namun, Aswan berasa tidak selesa lalu dia mengajak rakan-rakannya pulang.
- Tiba-tiba muncul Zaid, Adnin dan Asmah.
- Mereka berasa tidak senang hati dengan kedatangan Aswan dan rakan-rakannya.
- Mereka beranggapan bahawa kedatangan Aswan dan rakan-rakannya adalah bertujuan untuk mengintip projek Amir dan Usamah.

Bab 4

- Zaid menjelaskan bahawa Aswan ingin mencipta mesin baru untuk menanam padi.
- Zaid juga menceritakan bahawa Aswan dan rakan-rakannya mencuri baja subsidi orang kampung.
- Asmah mencadangkan agar mereka melakukan penyiasatan.
- Adnin membantah cadangan tersebut.
- Amir turut bersetuju kerana dia dan Usamah faham benar dengan sikap Aswan yang suka berfoya-foya sehingga gagal dalam peperiksaan.
- Aswan bersifat sedemikian kerana terlalu dimanjakan oleh keluarganya.

Bab 5

- Aswan menjerit kegembiraan kerana dia berjaya memperoleh pemacu pena yang mengandungi maklumat Dua Hukum Popular Termodinamik.
- Aswan menjelaskan bahawa pengubahsuai mesin tersebut sebenarnya tidak susah kerana hanya perlu menggantikan mata pisau pemotong rumput dengan tangan robot.
- Mesin tersebut akan dikendalikan menggunakan kekunci dan pergerakannya dikawal oleh suhu serta diawasi oleh manusia.
- Fikri dan Majibon mengakui kehebatan Aswan.
- Mereka tidak menyangka Aswan mampu mencipta model enjin baru tersebut.

- Fikri memerhatikan keadaan sekeliling kampung menggunakan teropong besar.
- Fikri menumpukan teropong ke arah rumah nenek Amir dan dia melihat banyak orang dalam rumah tersebut.
- Majibon merayu untuk melihat formula yang diperkatakan oleh Aswan.
- Fikri terkesima apabila satu per satu storan data Dua Hukum Popular Termodinamik terjelma di skrin.

Bab 6

- Amir ingin menyemak semula Formula Dua Hukum Popular Termodinamik.
- Tiba-tiba, dia mendapat storan data formulanya hilang.
- Adnin membuat andaian bahawa bilik tersebut telah diceroboh masuk oleh seseorang.
- Usamah pula mencadangkan Amir meminta formula tersebut semula daripada Profesor Othman.
- Amir yang tidak dapat menerima kenyataan lalu terus berlari ke puncak gunung untuk melepaskan tekanan.
- Setelah Amir selesai melepaskan tekanan, Usamah mengajak Amir ke masjid untuk menunaikan solat maghrib dan berdoa agar formula tersebut berjaya ditemukan semula.
- Amir meminta persetujuan Usamah untuk balik ke kampung Putatan pada malam itu juga.

Bab 7

- Amir dan Usamah tiba di rumah pada pukul 12:00 tengah malam.
- Mereka terus ke pejabat persendirian Damit untuk meneliti komputer ayah Amir.
- Tiba-tiba, data Syarikat Bahagia milik bapa Amir muncul satu persatu pada skrin komputer.
- Amir menjelaskan bahawa ada orang yang berusaha untuk memindahkan storan data Syarikat Bahagia.
- Usamah berjaya menerbitkan kod baharu serta menyekat pengaliran storan data tersebut.
- Dia juga berjaya mengesas stesen penjenayah tersebut.
- Mereka menjangkakan bahawa penjenayah yang sama telah mencuri Formula Dua Hukum Popular Termodinamik tersebut.
- Pada masa yang sama, Aswan dan dua orang rakannya sedang sibuk menyemak formula yang baru diperoleh.
- Aswan menjerit kekesalan kerana pemacu pena itu bukan sahaja memuatkan formula tersebut tetapi terdapat maklumat perniagaan.
- Dia nyaris-nyaris dapat memindahkan data tersebut tetapi tiba-tiba storan data syarikat tersebut hilang.
- Aswan berasa kecewa bercampur kesal kerana dia tidak berjaya memindahkan maklumat penting syarikat dan dia juga tidak bijak menggunakan komputer.

Bab 8

- Ayah Amir pergi ke Manila atas urusan perniagaan.
- Ibunya masih menagih penjelasan Amir dan Usamah yang berada di pejabat ayah Amir walaupun jam sudah menunjukkan pukul 3:00 pagi.
- Usamah menyatakan bahawa mereka sedang menyiasat penjenayah siber.
- Ibunya terkejut apabila Amir menjelaskan perkara yang terjadi kepadanya.
- Keesokan paginya, Amir dan Usamah ingin balik ke kampung.
- Intan cuba menahan tetapi dengan pelbagai alasan yang diberikan oleh mereka membuatkan Intan terpaksa mengalah.

Bab 9

- Penduduk Kampung Warisan masih mengamalkan semangat gotong-royong.
- Orang kampung turut datang menolong menanam padi di sawah nenek.
- Adnin berasa sakit di bahagian pinggang kerana membongkok menanam padi.
- Dia menyatakan jika mesin ciptaan Aswan ada hal ini dapat dielakkan.
- Zaid menyatakan bahawa Aswan sengaja menghebohkan mesin ciptaan tersebut padahal Aswan bukan orang yang bijak.

- Amir menasihati mereka agar tidak bersikap buruk sangka.
- Usamah turut menurunkan ilmu pertanian iaitu tentang penggunaan baja asli dan baja kimia.
- Gabungan baja tersebut dapat menghasilkan tanaman yang sihat.
- Keadaan menjadi kecoh apabila mereka mendengar bunyi suara yang sangat kuat.
- Amir dan Usamah berkejar ke tempat kejadian .
- Mereka terperanjat apabila melihat nenek ke dalam paya dan pengsan.
- Amir memberikan bantuan pernafasan.
- Bantuan tersebut membuatkan nenek sedar.
- Asma bertegas untuk membawa nenek ke hospital.
- Cadangannya dibangkang oleh ayahnya, Pak Cik Suib.
- Pervatakan Asma yang lembut, sopan, dan sesekali tegas berjaya memikat hati Amir.
- Akhirnya, nenek dibawa ke hospital menaiki van yang dipandu oleh Pak Cik Suib.

Bab 10

- Hampir dua jam nenek berada di bilik pembedahan.
- Anggota keluarga Amir turut berada di hospital.
- Doktor menjelaskan bahawa pembedahan kecil dijalankan pada bahagian buku lali nenek untuk memastikan tiada pendarahan bagi mengelakkan jangkitan kuman merebak ke anggota badan yang lain.
- Layanan anak cucu menggamit hati kecil nenek.
- Terasa badannya yang sakit menjadi sihat walaupun pada hakikatnya, nenek masih lemah.

Bab 11

- Aswan masih tidak berputus asa untuk mendapatkan storan data baharu.
- Aswan cuba meramalkan beberapa nombor digital.
- Akhirnya, cubaan Aswan berjaya menembusi storan data tersebut.
- Fikri dan Majibon mulai bosan dengan sikap Aswan yang asyik menatap komputer.
- Aswan menyatakan bahawa dia telah berjaya menembusi pengaliran data yang telah disekat tempoh hari.
- Mereka berdua turut teruja dan memberikan tumpuan pada layar komputer.
- Terpapar maklumat sebuah syarikat yang sangat kukuh kewangannya.
- Namun begitu, nama syarikat tidak dinyatakan hanya menggunakan kod sahaja.
- Aswan bercadang memindahkan wang tersebut ke akaun syarikat bapanya.
- Fikri mengingatkan tujuan sebenar mereka untuk bersaing secara sihat.
- Aswan terus memujuk Fikri dengan berjanji akan memulakan projek mereka menggunakan modal sebanyak RM10,000.00 yang akan dipindahkan daripada syarikat tersebut.
- Aswan terus merayu dan fikiran Fikri terus menerawang bagaiman dibuai mimpi seolah-olah dia bertemu dengan Usamah dan Amir di Putatan.
- Pada masa yang sama, Amir terjaga lalu tergesa-gesa masuk ke bilik persendirian bapanya.
- Dia memeriksa beberapa storan data.
- Tiba-tiba, muncul satu mesej diikuti oleh perkataan amaran yang tertera pada layar komputer.
- Usamah berjaya menyekat kebocoran aliran maklumat syarikat pada waktu yang tepat.
- Namun begitu, Usamah hairan kerana penjenayah tidak memindahkan wang syarikat, padahal mereka boleh melakukannya.

Bab 12

- Intan berasa risau kerana Amir dan Usamah masih belum pulang ke rumah sejak keluar dari pagi tadi.
- Tiada sebarang pesanan mahupun nota dan e-mel ditinggalkan oleh mereka.
- Kerisauannya turut diajukan kepada suaminya yang baru pulang dari pejabat.
- Damit terkejut apabila Intan memaklumkan kepadanya bahawa

- terdapat kebocoran maklumat tentang Syarikat Bahagia.
- Hari mulai senja ketika Amir dan Usamah tiba di Kampung Warisan.
- Zaid menyatakan kepada Amir dan Usamah bahawa dia dan Adnin telah berjaya mengesan penjenayah.
- Mereka menyembunyikan barang-barang yang dicuri di sebuah pondok usang tidak jauh dari pangkalan.
- Akhirnya, mereka sepakat mengatur strategi untuk memerangkap penjenayah tersebut.

Bab 13

- Mereka membuat perancangan selama dua hari sebelum memulakan misi tersebut.
- Mereka membawa radio kompo mini, tali, bateri kereta yang telah dicas dan kelengkapan menangkap penjenayah.
- Setelah hampir setengah jam berlalu, akhirnya mereka sampai ke tempat yang dituju.
- Tugas Usamah ialah menakut-nakutkan penjenayah ketika penjenayah itu dalam keadaan kelam kabut.
- Amir akan menyerbu ke dalam pondok manakala Adnin dan Zaid akan memasang bunyi rakaman anjing yang sedang menyalak serta rakaman suara supaya penjenayah menyerah diri.
- Strategi perancangan mereka berjalan dengan lancar.
- Terdapat dua orang lelaki yang berada di pondok tersebut.
- Penjenayah tersebut berjaya diikat tangannya lalu dibawa ke balai polis.
- Pada masa yang sama, seribu satu persoalan timbul di benak Amir berkenaan pemacu pena yang dijumpainya menyimpan rahsia yang sukar untuk diungkapkan.

Bab 14

- Amir tidak dapat melelapkan matanya semalam kerana memikirkan pemacu pena yang ditemukan oleh mereka semasa memerangkap penjenayah tersebut.
- Amir dan Usamah sepakat mengatakan bahawa pemacu pena itu ada kaitan dengan kehilangan storan data Formula Termodinamik tempoh hari.
- Perbualan mereka terhenti apabila satu e-mel terpapar di skrin komputer.
- Pemberi e-mel tersebut memohon maaf kerana berbohong dan menyembunyikan dirinya.
- Permintaan Amir supaya pemberi e-mel berterus terang menyebabkan pertanyaannya dibiarkan tanpa jawapan.
- Zaid datang dengan kedaan basah kuyup.
- Usamah mengajukan persoalan kepada Zaid tentang Asma.
- Zaid kehairanan kerana Usamah tidak mengetahui perkembangan Asma.
- Penjelasan Zaid menyebabkan Usamah terkesima kerana Amir ingin akan kepastian tentang pertunangan Asma dan Asman, iaitu abang Aswan.
- Zaid menjelaskan bahawa Asma telah ditunangkan dengan Asman sejak kecil lagi.
- Perkhabarannya tersebut menyebabkan Amir terjelepok di atas lantai dan telapak tangannya terluka.
- Usamah turut bersympati dan mengerti perasaan Amir yang selama ini ada menaruh hati terhadap Asma.
- Dia turut berasa kesal kerana Amir tidak berterus terang menyatakan perasaannya terhadap Asma.
- Amir akur dan menyatakan segalanya sudah terlewati.
- Kedatangan Adnin membawa perkhabarannya bahawa seluruh kampung mereka sudah dinaiki air.
- Mereka berempat bergesa-gesa untuk memberikan pertolongan kepada penduduk kampung.

Bab 15

- Aswan, Fikri, dan Majibon hampir lemas kerana terperangkap dalam arus air yang sangat deras.
- Namun begitu, mereka masih bernasib baik kerana sempat berpaut erat pada batang kayu.
- Musibah yang datang membuatkan rasa keinsafan dalam diri Aswan.
- Dia berasa sangat menyesal kerana tidak mendengar nasihat ibunya yang melarang untuk menghadiri Majlis Sambutan Hari Krismas di rumah Majibon.

- Setelah agak lama terapung mereka berjaya diselamatkan oleh Amir dan rakan-rakannya serta penyelamat yang lain menggunakan bot penyelamat.
- Aswan dan rakan-rakannya dirawat di dalam khemah khas.
- Setengah jam kemudian, keadaan Aswan beransur pulih.
- Orang yang setia disisinya adalah Amir.
- Aswan menghulurkan tangan memohon kemaafan dan menyatakan bahawa dirinya banyak melakukan dosa terhadap Amir.
- Amir terdiam dan tersedar bahawa orang yang menghantar e-mel itu ialah Aswan.
- Rasa penuh penyesalan Aswan menjelaskan bahawa dia ialah yang mencuri formula tersebut.
- Amir hanya tersenyum dan dia tidak menyimpan sebarang dendam terhadap Aswan.

Bab 16

- Aswan tiba di lapangan terbang lalu dia menghulurkan sebuah bungkus kecil kepada Amir dan Usamah.
- Amir dan Usamah mendapat biasiswa untuk menyambung pelajaran ke luar negara.
- Kejayaan mereka mencipta projek mesin 2 dalam 1 sekali gus memenangi Anugerah Saintis Muda.
- Sebelum melangkah ke balai pelepasan, Asma datang membawa dua jambak bunga untuk Usamah dan Amir.
- Amir sempat meluahkan kata-kata kepada Asma.
- Asma menyatakan bahawa tidak semua perkara yang kita impikan akan menjadi kenyataan.
- Kenyataan balas daripada Asma menyedarkan Amir bahawa perasaannya tidak bertepuk sebelah tangan.
- Semuanya sudah terlambat dan Amir tidak mahu emosinya menguasai perasaannya.
- Pegumuman terakhir keberangkatan seolah-olah menyedarkan Amir.
- Dia terus melangkah penuh nekad untuk meneruskan perjuangan bersama-sama Usamah.
- Mereka akan pulang membawa sebuah kejayaan yang gemilang.

Tema

Kegigihan dan cabaran yang dihadapi oleh dua orang remaja yang kreatif dan inovatif dalam menghasilkan mesin ciptaannya dengan menggunakan Formula Dua Hukum Popular Termodinamik.

Persoalan

- Kreativiti dan inovasi sangat penting dalam pengubahsuaian sesuatu ciptaan.
- Kemahiran menggunakan teknologi komputer sangat penting dalam pengubahsuaian sesuatu ciptaan.
- Sikap iri hati dan persaingan yang tidak sihat akhirnya membawa padah.
- Sesuatu cabaran yang pahit akan menjadi manis jika ditempuh dengan penuh reda dan ditangani dengan bijak.

Watak dan Perwatakan

- Watak utama – Amir.
- Watak sampingan – Usamah, Asma, Aswan, Majibon, Fikri, Adnin, Zaid, Intan, Damit, dan nenek.

Amir

- Penuntut tahun akhir Diploma Kejuruteraan Am.
- Pemuda berdarah kacukan Cina dan Brunei.
- Bertubuh tegap dan tinggi lampai.
- Bermata sepet dan kulitnya putih pucat.
- Remaja yang kreatif dan inovatif.
- Pemaaf dan tidak berdendam.
- Sedia berkongsi ilmu dengan orang lain.

Usamah

- Penuntut politeknik di Perak.
- Remaja yang kreatif dan inovatif.
- Sepupu dan rakan baik Amir.
- Mahir mengendalikan komputer.

- Bijak dalam mencipta kod keselamatan untuk Syarikat Bahagia.

Asma

- Gadis berdarah kacukan Dusun dan Brunei
- Berkulit putih dan mempunyai ketinggian yang sederhana.
- Dua pupu dengan Amir dan Usamah.
- Menuntut di maktab perguruan.
- Menghormati orang tua.
- Lemah lembut, sopan tetapi tegas.

Aswan

- Anak ahli perniagaan yang berjaya.
- Pantang dicabar.
- Lepasan politeknik.
- Mempunyai seorang abang, iaitu Asman yang menuntut di United Kingdom.
- Berbadan gempal dan berkulit cerah.
- Berdarah Dusun dan Bajau.
- Suka berfoya-foya.
- Pemurah.

Majibon

- Keturunan Dusun.
- Rakan baik Aswan.
- Sentiasa menyokong segala cadangan Aswan.

Fikri

- Rakan baik Aswan.
- Sahabat yang setia.
- Gemar menasihati rakan dengan perkara-perkara yang baik.

Adnin dan Zaid

- Remaja yang sedang menunggu keputusan SPM.
- Selalu berada bersama-sama Amir dan Usamah untuk membantu mereka.

Intan

- Ibu kepada Amir, Joy dan Lily.
- Isteri kepada Damit.
- Pegawai kanan di Jabatan Alam Sekitar.
- Ibu yang prihatin.

Damit

- Ayah kepada Amir, Joy, dan Lily.
- Berbadan gempal dan berkulit cerah.
- Berusia menjangkau empat puluhan.
- Ahli perniagaan.

Plot

Binaan Plot

- Permulaan – pengarang memaparkan suasana sebuah kampung di Sabah. Amir, Usamah, dan Asma bertemu semula setelah meningkat remaja. Usamah menuntut di Politeknik Perak, Amir menuntut di Politeknik Putatan, dan Asma menuntut di maktab perguruan di daerah tersebut. Asmah merupakan dua pupu Amir dan Usamah.
- Perkembangan – Amir dan Usamah menerima e-mel daripada Profesor Othman. Mereka berkomunikasi tentang projek pengubahsuaian mesin rumput yang terpakai. Profesor Othman mengucapkan syabas dan sedia menghulurkan bantuan. Amir meminta Profesor Othman untuk menitipkan Formula Dua Hukum Popular. Setelah mereka menerima sedikit penerangan dan faham akan formula tersebut Amir bertekad untuk menyiapkan mesin rumput tersebut dalam masa sehari dua.
- Perumitan – Aswan mendapat berita mengenai Amir dan Usamah yang telah berjaya mencipta mesin baharu yang dinamakan 2 dalam 1. Aswan berasa sangat iri hati dan sangat tercabar. Aswan bertekad untuk bersaing dengan Amir dan Usamah walau dengan apa-apa cara sekalipun.
- Klimaks – Kampung mereka ditenggelami banjir. Arus tersebut telah menghanyutkan Aswan, Majibon, dan Fikri sewaktu menghadiri Majlis Sambutan Hari Krismas di rumah

Majibo. Dalam kejadian tersebut Amir dan rakan-rakannya datang menyelamatkan Aswan dan rakan-rakannya. Aswan berasa sangat malu. Dia berterus terang tentang perkara yang telah dilakukan terhadap Amir. Dia memohon maaf atas keterlanjurannya.

- (e) Peleraian – Amir dan Usamah telah memenangi Anugerah Saintis Muda. Hal ini telah melayakkkan mereka melanjutkan pelajaran ke luar negara dengan mendapat tajaan basiswa. Mereka bertekad untuk membawa kejayaan yang lebih gemilang untuk dibawa pulang.

Teknik Plot

- (a) Imbas kembali. Contohnya, Asma masih mengingati ketika dia, Amir, dan Usamah masih kecil mereka sering berlari di atas batas-batas sawah padi.
- (b) Imbas muka. Contohnya, Amir menyatakan jika ada peluang satu hari nanti dia akan membina terowong di bawah dasar laut untuk disambungkan ke Semenanjung. Hal ini memudahkan kereta berulang-alik seperti di negara Jepun.
- (c) Pemerian. Contohnya, penulis menyatakan keadaaan di Kampung Warisan, Papar apabila ditimpa hujan yang lebat sehingga menyebabkan berlakunya banjir.
- (d) Monolog. Contohnya, Aswan berkata sendirian bahawa dia juga mampu mengubah suai mesin rumput seperti yang dilakukan oleh Amir dan Usamah.
- (e) Kejutan. Contohnya, Amir dan Usamah terkejut apabila nenek jatuh terjelopok ke dalam paya ketika mereka sedang bergotong-royong menanam padi.
- (f) Saspons . Contohnya, pembaca dan pelajar-pelajar tertanya-tanya akan kehilangan data storan yang mengandungi data Formula Dua Hukum Popular Termodinamik tersebut.

Latar

Latar Tempat

- (a) Kampung Warisan, Papar Sabah.
- (b) Di kawasan sawah nenek.
- (c) Di kampung Putatan.
- (d) Di hospital.
- (e) Pejabat Persendirian Damit Syarikat Bahagia.

Latar Masa

- (a) Malam sambutan Hari Krismas.
- (b) Selepas waktu isyak.
- (c) Pada cuti semester.
- (d) Pada waktu pagi.
- (e) Pada waktu senja.
- (f) Pada waktu malam.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang kreatif dan inovatif.
- (b) Masyarakat yang berpendidikan tinggi.
- (c) Masyarakat yang mahir mengendalikan teknologi komputer.
- (d) Masyarakat yang mempraktikkan amalan bergotong-royong.
- (e) Masyarakat yang memiliki sifat hasad dengki dan iri hati apabila melihat kejayaan orang lain.
- (f) Masyarakat yang mementingkan diri sendiri.

Unsur Gaya Bahasa

- (a) Personifikasi. Contohnya, *Angin lembut membela anak rambut Aswan, Air membuka ganas membawa keladak dan memanjang tebing mengorek tunjang-tunjang pokok yang dirempuhnya*.
- (b) Simile. Contohnya, *Mengumpat sama seperti memakan daging saudara sendiri, Sinarnya bagaikan benang berselirat, kilat bagaikan cahaya laser menguak bumi, Kakinya bagaikan berat untuk melangkah, Hatinya seperti menyelongsong memintanya berpatah balik*.
- (c) Metafora. Contohnya, *kotak fikirannya, sebongkah cinta*.
- (d) Peribahasa. Contohnya, *seperti cendawan tumbuh selepas hujan, mati akal, batang hidung, bertepuk sebelah tangan*.
- (e) Hiperbola. Contohnya, *Perasaan marah membuka-buka*.
- (f) Bahasa Arab. Contohnya, *Assalamualaikum, Waalaikumussalam, syafaat, alhamdulillah, Insya-Allah*.
- (g) Sinkope. Contohnya, *tak, saja*.

Nilai

- (a) Kasih sayang. Contohnya, Amir Usamah dan Asma sangat menyayangi nenek mereka, sikap kasih sayang mereka jelas dibuktikan semasa nenek mereka sedang sakit dan ditahan di wad hospital.
- (b) Kebijaksanaan. Contohnya, Amir dan Usamah merupakan golongan remaja yang bijak menggunakan satu data storan yang dikenal sebagai Formula Dua Hukum Popular Termodinamik.
- (c) Kreatif dan Inovatif. Contohnya, Amir dan Usamah merupakan remaja yang kreatif dan inovatif kerana mampu mengubah suai mesin rumput terpakai menjadi mesin 2 dalam 1.
- (d) Semangat bermasyarakat. Contohnya, penduduk Kampung Warisan bergotong-royong menanam padi di sawah nenek.
- (e) Bertanggungjawab. Contohnya, ibu Amir terlalu risau apabila Amir dan Usamah tidak pulang ke rumah tanpa meninggalkan sebarang pesanan.
- (f) Keinsafan. Contohnya, Aswan berasa insaf bahawa dirinya telah banyak melakukan kesalahan terutamanya, kepada Amir.
- (g) Pemaaf. Contohnya, Amir memaafkan segala kesalahan Aswan yang telah mengkhianatinya.
- (h) Simpati. Contohnya, Adnin simpati terhadap ibu Aswan yang bimbang kerana kehilangan Aswan.
- (i) Baik hati. Amir dan rakan-rakannya membantu anggota penyelamat mencari Aswan, Fikri, dan Majibon yang hilang ketika kampung mereka dilanda banjir.

Pengajaran

- (a) Kita perlulah berusaha dengan gigih untuk mencapai sesuatu kejayaan.
- (b) Kita haruslah memiliki kreativiti dan inovasi terutamanya pada zaman moden ini.
- (c) Kita juga perlu memiliki ilmu untuk meneruskan kehidupan.
- (d) Janganlah kita berhasad dengan kejayaan orang lain.
- (e) Kita mestilah mendengar nasihat ibu bapa.
- (f) Kita hendaklah mempraktikkan amalan bergotong-royong dalam hidup bermasyarakat.
- (g) Perasaan yang terpendam perlulah diluahkan jika tidak akhirnya akan menjerat diri sendiri.
- (h) Kita hendaklah menganggap setiap cabaran yang pahit akan menjadi manis jika ditempuhi dengan penuh reda dan ditangani dengan bijak.

3

PELARI MUDA

(Ghazali Ngah Azia)

Edisi: Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak

Sinopsis

Novel menceritakan kisah Kamarul seorang murid Tingkatan Lima yang berbakat dalam bidang olahraga. Dia telah dipilih mewakili negara dalam Sukan SEA di Brunei. Kejayaannya mewakili dan mengharumkan nama negara telah menjadikannya sombang. Dia telah jarang-jarang berbual dengan rakan-rakan di sekolah. Malah, dia juga telah bersikap dingin terhadap Saridah.

Ekoran perubahan sikapnya itu, Kamarul mula tidak hadir atau datang lewat ke latihan pusat kem olahraga kebangsaan. Dia sombang dan yakin akan latihannya sendiri. Bagaimanapun, Encik Kadir menasihatinya dengan mengatakan bahawa tindakan dia berlatih sendiri melanggar disiplin. Namun begitu, dia tidak menghiraukan nasihat Encik Kadir selaku jurulatihnya. Malah, dia bersikap buruk, iaitu dia bersikap kasar terhadap Encik Kadir dengan melemparkan pingat yang diberikan oleh jurulatihnya itu sebagai pembakar semangat.

Selepas Kamarul melemparkan pingat itu, dia berjalan pulang. Oleh sebab tidak berhati-hati semasa melintas jalan, dia dilanggar oleh sebuah kereta. Dia pengsan dan tidak mengetahui apa-apa yang berlaku seterusnya.

Di hospital, dia dikunjungi oleh Encik Kadir, tetapi ketika itu dia sedang tidur. Encik Kadir bertanyakan khabarnya kepada ibunya. Ibunya memberitahu Encik Kadir bahawa Kamarul hanya mengalami luka dan bengkak urat. Encik Kadir menyatakan bahawa dia akan datang lagi pada waktu petang. Selepas 15 minit Encik Kadir pulang, Kamarul sedar dan mendapati Saridah ada di sisinya. Dia tersenyum memandang Saridah dan Saridah membalsas senyumannya itu. Dia mengucapkan terima kasih kepada Saridah kerana sudi mengunjunginya. Saridah memberitahu bahawa Encik Kadir, Sures, dan Juriah berkirim salam dan kemudiannya menyatakan bahawa Encik Kadir baru sahaja pulang. Hatinya berdetik apabila mengetahui Encik Kadir mengunjunginya. Dia terasa ingin benar keluar cepat-cepat dari hospital dan menemui Encik Kadir.

Di hospital, Kamarul menginsafi sikapnya yang sombong akan kejayaan dan popularitinya sebagai pelari pecut negara. Dia sedar bahawa kejayaannya sebagai pelari yang terkenal adalah atas bimbingan Encik Kadir. Dia turut sedar bahawa dia tidak patut melupakan Cikgu Zainal yang juga banyak berjasa terhadapnya. Oleh itu, dia berazam untuk turun ke padang untuk membuktikan kepada Encik Kadir bahawa dia seorang ahli sukan yang berdisiplin. Sewaktu dia dibenarkan pulang, Encik Kadir telah menjemputnya. Kamarul mohon maaf daripada Encik Kadir.

Selepas keluar dari hospital, Kamarul telah turun berlatih tetapi dia berasa kecewa kerana prestasinya merosot, namun dia diberi semangat oleh Encik Kadir. Sewaktu dia berada di bilik di rumahnya, dia melihat gambar jaguh-jaguh pelari pecut luar negara. Dia melihat catatan masa yang pernah dibuatnya sebelum ini. Dia berazam untuk melakukan sesuatu supaya catatan masanya bertambah baik.

Kamarul dan kawan-kawannya berlepas ke Bangkok. Sebelum itu, dia resah menantikan kehadiran Saridah yang sampai lewat kerana terperangkap dalam kesesakan jalan raya. Selepas Saridah tiba, Kamarul dan kawan-kawannya berlepas ke Bangkok untuk menyertai Sukan Sea.

Di Bangkok, Kamarul mengikuti latihan yang dikendalikan Encik Kadir. Di sana juga dia telah berjumba dan berbual-bual dengan De Wega, iaitu pelari Filipina yang diminatinnya. Dalam perbualan itu, De Wega menasihatinya agar tidak bersikap sombong, menghormati jurulatih, dan berdisiplin.

Masa pertandingan pun tiba. Dalam pertandingan tersebut, Kamarul telah bersaing dengan De Wega dan rakannya, Sures, di samping pelumba dari Brunei, Indonesia, dan lain-lain. Kamarul menjadi johan bagi acara 100 meter dan 400 meter. Sewaktu dia masuk ke biliknya, Encik Kadir menemuinya dan mengucapkan tahniah. Encik Kadir turut menyampaikan secebis kertas dari tanah air yang mengandungi ucapan tahniah. Ucapan itu datang daripada rakan-rakannya, terutama Saridah. Kamarul ingin mengembalikan pingat yang diberikan oleh Encik Kadir sewaktu dia hendak berlumba tetapi Encik Kadir memintanya agar menyimpan pingat tersebut sebagai kenangan. Encik Kadir memberitahu Kamarul bahawa dia sepatutnya bersara sebagai jurulatih tahun ini tetapi terpaksa ditangguhkan untuk kejohanan Sukan Sea ini. Encik Kadir juga menyatakan bahawa dia telah berjaya membawa Kamarul ke tahap yang membanggakannya. Kamarul tidak menyangka bahawa Encik Kadir akan bersara sebagai jurulatih.

Kejohanan Sukan Sea pun tamat. Sebelum pulang ke tanah air, dia sempat bertemu dengan De Wega dan memberikan hadiah. De Wega juga membalsas pemberian Kamarul dengan pingat yang pernah dimenanginya. Setibanya di tanah air, Kamarul telah disambut oleh keluarganya, Saridah, dan kawan-kawannya.

Inti Pati Bab

1 Mengapa Muram?

- Kamarul tidak seperti kelazimannya, iaitu selepas sarapan dia akan membaca akhbar tentang berita sukan, terutamanya yang berkaitan dengan sukan olahraga.
- Pada pagi itu, selepas sarapan Kamarul terus memakai kasutnya dengan wajahnya yang muram.

- Ibunya dapat memerhatikan perubahan pada Kamarul dan berasa risau.
- Ibu Kamarul mengandaikan anaknya sakit atau bergaduh dengan Saridah, iaitu kawan sekolah yang istimewa bagi Kamarul.
- Semasa di dalam bas, Kamarul memikirkan kata-kata Saridah yang mengatakan bahawa dia sudah sompong.
- Kamarul memikirkan latihannya dengan jurulatihnya, Encik Kadir juga.
- Kamarul berpendapat bahawa dia masih berada pada tahap kecerdasan yang sebenarnya.
- Kamarul enggan berlatih dengan Encik Kadir sebagai jurulatih olahraga kebangsaan.
- Kamarul juga teringat akan Sures, iaitu saingannya tetapi dia yakin Sures masih tidak mampu menandinginya, begitu juga Rajip dan Mahat.
- Kamarul tersedar apabila Zahudi mengatakan bahawa mereka telah tiba di sekolah.
- Kamarul cuba mencari Saridah tetapi tidak ditemui, sebaliknya dia bertemu dengan Sures.
- Sures memberitahu bahawa Encik Kadir menyuruhnya datang ke Pusat Sukan Kampung Pandan.
- Kamarul mengatakan dia akan bercerita dengan Sures di pusat sukan nanti.

2 Jangan Mungkir

- Sudah 20 minit Sures berada di Pusat Sukan Kampung Pandan, namun Kamarul masih tidak kelihatan di pusat sukan itu dan Sures berasa terkilan.
- Sures berasa pelik akan sikap Kamarul yang berubah seperti jarang-jarang bercakap dengan kawan-kawan.
- Sures juga mendapati Kamarul mula memprotes apabila Cikgu Dariah, penolong kepada Cikgu Zainal menegurnya.
- Sures tertanya-tanya sebab Kamarul sudah lupa akan jurulatih yang menaikkan namanya.
- Apabila cuaca mula redup Sures memanaskan badannya.
- Kemudian Sures dipanggil oleh Encik Kadir yang bertanyakan perihal Kamarul.
- Sures memberitahu beliau bahawa dia telah menyampaikan pesanan Encik Kadir kepada Kamarul dan Encik Kadir merungut dengan mengatakan bahawa latihan begini amat penting sambil berlalu pergi.
- Sures berasa lega dan menyertai pelari-pelari lain berlatih bawah bimbingan Encik Kadir.
- Encik Kadir membatalkan latihan bagi acara 100 meter dan sebelum bersurai, Encik Kadir berpesan kepada Sures agar memberitahu Kamarul bahawa beliau ingin bertemu denganannya esok.
- Setibanya Sures di rumah, Saridah datang lalu dia bertanya sama ada dia berjumba dengan Kamarul kerana Encik Kadir bertanyakan Kamarul.
- Saridah memberitahu Sures bahawa sewaktu latihan di sekolah pun Kamarul hanya ada sekejap dan Kamarul juga tidak menyapanya.
- Sures bertanya Saridah sama ada dia bergaduh dengan Kamarul lantas Saridah menjelaskan bahawa mereka ada salah faham.
- Saridah berkata bahawa dia tidak tahu akan sebab Kamarul sanggup mengabaikan latihan.
- Sures mengingatkan Saridah bahawa Kamarul mesti sedar bahawa Sukan SEA tidak lama lagi dan meletakkan kesalahan atas Kamarul.
- Kemudian, Saridah pulang dengan mengayuh basikalnya sambil mengharapkan pertengkarannya dengan Kamarul tidak dibesar-besarkan.

3 Surat Tak Bersampul

- Saridah berada di perpustakaan dengan harapan Kamarul akan masuk ke situ tetapi akhirnya, Saridah hampa.
- Saridah berasa hendak menangis dan berpendapat bahawa Kamarul tidak patut melakukannya begitu, malah Saridah menganggap Kamarul pendendam orangnya.
- Saridah terus balik ke kelasnya dan duduk di kerusinya.
- Juriah datang menghampiri dan Saridah mengadu kepada Juriah tentang masalah dia dengan Kamarul.

- Juriah menasihati Saridah agar bertengang dan mengingatkan bahawa ada masa untuk Saridah memulihkan keadaan.
- Selepas waktu sekolah tamat, Saridah tidak terus pulang sebaliknya Saridah pergi ke perpustakaan dan di situ Saridah menulis surat untuk Kamarul.
- Dalam surat tersebut Saridah menyatakan isi hatinya tentang sikap Kamarul yang tidak mahu bertemu dengannya dan mengesali perselisihan faham yang telah berlaku antara mereka.
- Saridah kembali ke kelasnya dan mendapati Juriah belum pulang lantas meminta Juriah menolongnya untuk menyampaikan surat yang ditulisnya itu kepada Kamarul.
- Setelah itu, Saridah dan Juriah balik bersama-sama.

4 Sebak Di Dada

- Setelah minum petang, Kamarul memberitahu ibunya bahawa dia hendak berjoging di kawasan sekitar sahaja.
- Ibunya menyuruhnya tunggu seketika sambil memberikan sepucuk surat kepadanya.
- Di satu tembok di tepi jalan, Kamarul membaca surat yang ditulis oleh Saridah itu dan berpendapat bahawa ada kejujuran dalam surat Saridah itu.
- Kamarul teringat akan tindakannya terhadap Saridah selama ini, malah dia juga terbayang wajah Cikgu Zainal dan Encik Kadir.
- Kamarul memejamkan matanya lalu surat itu dikeroyokkan dan dibaling ke dalam longkang.
- Hati Kamarul kembali marah dan dia tidak bermimat untuk berjoging lantas dia memasuki Stadium Merdeka dan duduk di tempat duduk penonton.
- Kamarul terbayang akan para penonton yang melambai-lambaikan tangan kepadanya dengan sorakan yang riuh-rendah.
- Kamarul terbayang lagi bahawa dia sedang bertanding acara 100 meter dan dia berjaya mencatatkan 10.68 saat.
- Dia menjerit lalu menyedari bahawa tiada penonton di dalam stadium itu tetapi hanya dua orang pemotong rumput di situ.
- Kamarul berasa geram sambil melangkah ke jalan raya.
- Kamarul terasa sebak dan sayu sambil menyebut nama Saridah.

5 Jemu Menunggu

- Saridah bosan menunggu Juriah yang tidak kunjung tiba lantas dia masuk ke biliknya.
- Perasaan Saridah tidak tenteram dan melayang mengingati Kamarul.
- Saridah membelek-belek album dan perhatiannya tertumpu pada gambarnya di samping Kamarul kerana gambar itu banyak menyimpan kenangan manis.
- Saridah teringat kembali akan peristiwa ketika dia mulamula mengenali Kamarul, iaitu ketika dia mewakili Wilayah Persekutuan dalam Kejohanan MSSM bagi acara 4 X 400 meter.
- Kamarul mengucapkan tahniah kepadanya serta bertanyakan sebab dia tidak menyertai acara 100 meter lantas Saridah mengatakan bahawa dia telah mencuba tetapi gagal dan menyatakan cukuplah dia meminati pelarinya sahaja.
- Pertemuan singkat di Stadium Merdeka itu merapatkan hubungan mereka sehingga saling mengunjungi.
- Kamarul juga sering memberikan kata-kata semangat kepada Saridah.
- Saridah amat menyenangi Kamarul dan merasakan bahawa dia sudah jatuh cinta.
- Bagaimanapun, setelah popular Kamarul mula berubah menjadi keras kepala dan sombong.
- Saridah teringat akan perbualannya dengan Juriah tentang perkahwinan dan hubungannya dengan Kamarul.
- Saridah terkejut apabila Juriah terdengar suara Juriah memanggilnya.
- Juriah memuji Saridah dan bertanya sama ada Saridah telah berbaik semula dengan Kamarul.
- Saridah segera memakai kasutnya dan berjalan sambil diikuti oleh Juriah.

6 Mengapa, Kamarul

- Kamarul sengaja tiba lewat 15 minit untuk latihan di Pusat Sukan Kampung Pandan.
- Kamarul ingin menyertai rakan-rakannya tetapi telah dipanggil oleh Encik Kadir yang ingin berjumpa dengannya selepas latihan.
- Encik Kadir memanggil semua pelatihnya dan memberikan komennya bahawa mereka telah menjalani latihan selama dua minggu.
- Encik Kadir mengingatkan bahawa mereka ada masa sebulan sahaja untuk meningkatkan kecerdasan.
- Encik Kadir juga menyatakan bahawa dia kurang berpuas hati kerana pencapaian masih rendah dan mahu pelatih melipatgandakan latihan.
- Encik Kadir mendapati Kamarul masih lembab ketika berlepas dan dia juga terkilan dengan cara larian Kamarul yang seolah-olah bermain-main sehingga dia sangsi akan keupayaan Kamarul di Bangkok nanti.
- Encik Kadir memberitahu Kamarul bahawa dia belum 100 peratus cergas.
- Encik Kadir mengarahkan Kamarul berlari keliling padang sebanyak lapan kali sambil rakan-rakannya melakukan latihan sendirian.
- Encik Kadir menguji Suradi dan Rajip dan mendapati Suradi dapat membuat catatan yang membanggakan.
- Encik Kadir menguji Sures dan Kamarul dan Sures berjaya menewaskan Kamarul dengan catatan terbaik 10.78 saat.
- Encik Kadir menamatkan latihan dan berjumpa dengan Kamarul.
- Encik Kadir menasihati Kamarul tentang sikapnya yang ponteng latihan dan datang lambat serta berlatih sendiri yang melanggar disiplin.
- Kamarul melawan kata-kata Encik Kadir dan telah meninggalkan Encik Kadir yang menjerit memanggilnya.

7 Melepaskan Marah

- Kamarul pulang ke rumah dengan perasaan marah.
- Di rumah dia membaca kenyataan akbar oleh Ketua Kontjen Malaysia yang menyatakan bahawa Malaysia akan membawa sebanyak 350 orang peserta termasuk jurulatih dan pengurus pasukan.
- Kamarul turut membaca kenyataan akhbar oleh jurulatihnya, iaitu Encik Kadir yang menyatakan bahawa peserta olahraga Malaysia ke Sukan Sea pada kali ini mempunyai harapan yang baik untuk merebut pingat emas kerana prestasi mereka sedang meningkat naik.
- Kenyataan akhbar Encik Kadir juga menyebut bahawa harapan negara terletak pada pelari handalan negara seperti Kamarul, Suradi, Rajip, Sures, Mahat, dan lain-lain.
- Encik Kadir juga menyebut bahawa disiplin yang tinggi akan menyerlahkan peningkatan sebenar para ahli sukan.
- Kamarul berpendapat bahawa kenyataan Encik Kadir hanya untuk menempelaknya lalu gambar Encik Kadir ditusuk dengan jarinya sambil mencebik bibirnya.
- Tiba-tiba ibu Kamarul memanggilnya kerana Saridah menelefonnya.
- Dalam perbualan telefon itu, Saridah dan Kamarul bertanyakan khabar dan minta maaf serta mendoakan Kamarul terus berjaya dan mendapat kejayaan yang cemerlang di Bangkok.
- Kata-kata Saridah membuatkan Kamarul berdebar dan terasa akan kejujuran Saridah.
- Kamarul memutuskan perbualan dengan mengatakan bahawa mereka berjumpa di padang sekolah nanti.
- Di sekolah, Saridah telah sampai kira-kira pukul 3:00 petang tetapi Kamarul masih tidak datang.
- Hati Saridah mula bercelaru.
- Juriah datang dan Saridah menceritakan hal dirinya dengan Kamarul di kantin.
- Juriah memahami Saridah yang bersemangat untuk belajar apabila ada Kamarul tetapi jiwanya jadi tidak tenteram apabila bertengkar dan menyebabkan pelajarannya diabaikan, malah prestasi sukannya turut terjejas.
- Juriah turut menasihati Saridah bahawa SPM kian hampir dan menentukan corak hidup sama ada belajar atau menjadi penganggur.

- Akhirnya, Juriah menasihati Saridah agar melupakan Kamarul tetapi Saridah menyatakan bahawa dia boleh melupakan Kamarul namun tidak dapat melupakan kenangan bersama-sama Kamarul sambil menangis.
- Juriah meminta Saridah mengatakan bahawa dia akan melupakan Kamarul dan Saridah berjanji.

8 Semoga Berjaya

- Sebaik-baik sahaja loceng berbunyi, Cikgu Jasmah segera keluar untuk urusan di pejabat dengan pengetua.
- Kamarul mengambil kesempatan untuk keluar kelas tetapi dipersoalkan oleh Adibah, iaitu Ketua Tingkatan 5 Sastera 1.
- Hal itu telah menyebabkan berlakunya pertengkaran antara Kamarul dengan Adibah.
- Kamarul pergi berjumpa dengan Cikgu Zainal.
- Cikgu Zainal memberitahu bahawa KOAM telah menghantar telegram dan meminta beliau melepaskan Kamarul bercuti untuk mewakili negara walapun pada masa yang sama sukan tahunan sekolah juga berlangsung pada tarikh yang sama.
- Cikgu Zainal juga mengingatkan Kamarul bahawa peperiksaan SPM sudah hampir dan meminta Kamarul tidak mengabaikan pelajaran.
- Cikgu Zainal juga memaklumkan bahawa Encik Kadir telah mengunjunginya pagi tadi untuk meminta Cikgu Zainal melepaskan Kamarul berlatih pada waktu pagi dan petang.
- Cikgu Zainal menyatakan bahawa dia dibenarkan berlatih pada waktu pagi dan datang ke sekolah selepas waktu rehat.
- Cikgu Zainal turut memberitahu Kamarul bahawa Encik Kadir ada memberitahunya bahawa prestasi Kamarul merosot.
- Cikgu Zainal mengucapkan syabas dan mendoakan agar Kamarul berjaya.
- Selepas itu, Kamarul pun berlari ke kantin dengan perasaan yang lapang.

9 Dia Tidak Sudi

- Pada petang itu, Kamarul dan Sures menyertai latihan di bawah kendalian Encik Kadir.
- Encik Kadir memanggil Kamarul dan Sures untuk menguji kecergasan Kamarul.
- Selepas ujian dibuat, Kamarul ditewaskan oleh Sures dan catatannya hanya sekadar masa terbaik dan hal itu menunjukkan bahawa kecergasannya merosot.
- Latihan pada petang itu dipendekkan supaya pelatihnya dapat berehat dan memulihkan tenaga.
- Selepas semua pelatihnya pulang, Encik Kadir memanggil Kamarul.
- Kamarul berpendapat bahawa cara latihan Encik Kadir membosankan tetapi dia takut untuk memprotes kerana bimbang Encik Kadir melenting serta diambil tindakan tatatertib yang menggelapkan karier olahraganya.
- Encik Kadir menyatakan bahawa dia selalu ponteng latihan namun Encik Kadir masih tertanya-tanya sama ada Kamarul bersikap demikian kerana ada masalah peribadi.
- Kamarul membisu sahaja.
- Encik Kadir terus bertanya sama ada Kamarul menganggap latihan tidak penting.
- Kamarul memberitahu dia berlatih sendirian dan membuatkan Encik Kadir menggelengkan kepala.
- Encik Kadir menjelaskan bahawa tindakan Kamarul itu melanggar disiplin.
- Kamarul menjawab bahawa tanpa disiplin pun dia boleh berjaya dan kata-kata itu membuatkan Encik Kadir terpempan.
- Encik Kadir terus menasihati Kamarul dan menyatakan bahawa Kamarul mula bongkok, namun Kamarul membalias dengan mengatakan bahawa Encik Kadir boleh melatih Sures.
- Encik Kadir memberi Kamarul masa untuk berfikir sambil memberikan pingat yang dimenangi di Sukan Asia sebagai pembakar semangat.
- Kamarul melemparkan pingat itu hingga jatuh di hadapan Encik Kadir sambil melangkah keluar dari pagar.
- Kamarul meninggalkan Encik Kadir dengan pelbagai persoalan timbul di dalam kepalanya.
- Tanpa memandang ke kiri jalan yang sibuk, Kamarul terus melintas jalan lalu dia dilanggar kereta dan terlambung ke udara dan terhempas di atas jalan raya.

10 Sepatutnya Berehat

- Kamarul terlantar di hospital sambil ditemani oleh ibunya yang memiciti-miciti lengannya.
- Encik Kadir dan Saridah datang melawat Kamarul di hospital.
- Mak Jah memberitahu Encik Kadir bahawa Kamarul hanya luka dan bengkak urat sahaja.
- Encik Kadir pulang dulu dan akan datang pada waktu petang.
- Selepas 15 minit kemudian, Kamarul sedar dan melihat Saridah berada di sisi katilnya sambil tersenyum.
- Kamarul mengucapkan terima kasih kepada Saridah kerana mengunjunginya.
- Saridah memberitahu bahawa Encik Kadir, Sures, dan Juriah berkirim salam dan memaklumkan bahawa Encik Kadir baru sahaja pulang dan akan datang semula pada petang nanti.
- Saridah bertanya Kamarul tentang pertengkaran mereka namun Kamarul mengatakan bahawa dia telah melupakan perkara itu.
- Setelah empat hari terlantar di hospital, Doktor Munirah memberitahu Kamarul bahawa dia dibenarkan pulang pada pukul 12:00 tengah hari dan Kamarul begitu gembira.
- Kemudian, Kamarul teringat akan Encik Kadir, Sures, Saridah, dan kawan-kawannya yang baik hati yang telah datang melawatnya di hospital.
- Hal itu menyebabkan Kamarul sedar bahawa selama ini dia bersikap sombang dan menjauahkan diri daripada mereka.
- Dalam hatinya, Kamarul mohon maaf sambil berjanji akan turun ke padang semula dan membuktikan kepada Encik Kadir.
- Tiba-tiba Encik Kadir datang dan memberitahunya bahawa dia akan membawa Kamarul pulang ke rumah.
- Pada kesempatan itu, Kamarul mohon maaf dan mengakui kekasarnya terhadap Encik Kadir, namun Encik Kadir memintanya melupakan hal itu dan menyuruh Kamarul mengembalikan keyakinan diri dan berlatih semula.
- Encik Kadir membawa Kamarul meninggalkan hospital sambil Kamarul dibuai perasaan sedih dan sebak.

11 Harapan Tinggi

- Kamarul turun berlatih di Pusat Sukan Kampung Pandan dengan resah dan cemas sambil memikirkan tajuk rencana akhbar yang menyatakan bahawa harapan negara kepada Kamarul Baharudin dan Sures Menon untuk lima pingat emas.
- Apabila Encik Kadir tiba, Kamarul dan Sures diuji bagi acara 100 meter dan ternyata Kamarul tercicir di belakang.
- Encik Kadir menyatakan bahawa Kamarul masih bimbang akan kecederaannya tetapi menasihatinya agar bersabar.
- Kamarul diuji lagi bersama-sama dengan Sures dan Rajip, namun Kamarul tercicir di belakang.
- Kamarul tidak percaya akan keputusan ujian tersebut namun Encik Kadir memberikan kata semangat kepadanya.
- Kamarul mohon pulang dahulu untuk berehat dan dibenarkan oleh Encik Kadir sambil mengingatkannya agar datang berlatih pagi esok.
- Di dalam biliknya, Kamarul memandang gambar pelari-pelari luar negara dan Malaysia yang diminatinya dan membuka buku catatannya untuk membandingkan catatan masa yang dibuat semasa latihan pada petang tadi.
- Kamarul menggelengkan kepala dan bertekad untuk melakukan sesuatu bagi memperbaiki catatan masanya.

12 Selamat Jalan

- Kamarul berada di lapangan terbang untuk pergi ke Bangkok tetapi disebabkan ada masalah teknikal, penerbangannya yang dijadualkan pada pukul 9:00 pagi ditangguhkan selama dua jam.
- Kamarul resah kerana Saridah belum muncul di situ walaupun kawan-kawannya ada di situ.
- Sewaktu pengumuman penerbangan ke Bangkok diumumkan pada pukul 11:00 pagi, Adibah mencuit Kamarul dan menunjukkan Saridah yang datang.
- Saridah minta maaf kepada Kamarul kerana terlewat akibat kesesakan jalan raya.
- Kamarul tidak sempat berbual panjang kerana terpaksa mematuhi jadual penerbangan.

- Kamarul mencapai begnya dan bersalaman dengan kawan-kawannya sambil menerima ucapan semoga dia berjaya.
- Kamarul berjalan ke kaunter pemeriksaan tiket dan berlalu pergi.

13 Dia Peminat De Wega

- Pesawat Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) yang membawa Kamarul dan atlet Malaysia mendarat di Lapangan Terbang Dong Muang dalam hujan rintik-rintik.
- Kamarul duduk sebilik dengan Sures di hotel.
- Di dalam bilik, Kamarul kelihatan bimbang dan muram mengenangkan prestasinya.
- Sures menyatakan bahawa kecerdasan mereka tidak boleh diukur semasa latihan dan sesuatu yang membanggakan boleh berlaku ketika berada di padang.
- Sedang mereka berbual, tiba-tiba pintu bilik diketuk dan Encik Kadir masuk sambil memaklumkan bahawa mereka ada latihan esok.
- Encik Kadir juga mengingatkan bahawa pada pukul 7:00 mereka akan bertemu di bilik persidangan hotel untuk taklimat dan makan malam.
- Pada pagi itu, Kamarul dan kontinjen Malaysia menaiki bas ke Stadium Nasional.
- Setibanya di Stadium Nasional, Encik Kadir membawa atlet olahraga ke Gimnasium A untuk berlatih dan di situ juga ada atlet Indonesia, Filipina, Singapura, dan Brunei.
- Encik Kadir mengadakan ujian kepantasan dan berlaku beberapa perkembangan terbaharu, terutamanya pada Kamarul.
- Encik Kadir memberitahu Kamarul bahawa tahap kecerdasan Kamarul sudah pulih 100 peratus dan Kamarul tersenyum lebar.
- Selesai berlatih, Kamarul telah berjumpa dengan De Wega, iaitu pelari dari Filipina yang amat diminatininya.
- Kamarul dan De Wega berbual-bual dan De Wega mengiktiraf Kamarul sebagai pelari yang mampu memberikan cabaran.
- Kamarul menyatakan kekagumannya terhadap De Wega.
- De Wega banyak memberikan kata semangat dan nasihat seperti tidak sompong dan lupa diri, menjaga disiplin, mengikuti latihan yang dikendalikan jurulatih, dan tidak berputus asa atau kecewa.
- De Wega juga mengingatkan Kamarul bahawa Kamarul masih muda dan mempunyai masa untuk cemerlang.
- Selepas berbual-bual itu, Kamarul memberitahu bahawa dia ingin pulang ke hotel.
- De Wega mengucapkan terima kasih sambil menjabat tangan Kamarul.
- Sewaktu berjabat tangan itu, Kamarul dapat merasai satu resapan semangat baharu.

14 Dadanya Mencecah Pita

- Pagi itu, Kamarul dan Sures turun sarapan selepas diberitahu oleh Abdul Rahman.
- Sewaktu sarapan, Abdul Rahman bercerita tentang gambar Kamarul keluar di dalam TV.
- Perbualan mereka terhenti apabila Ketua Kontinjen Malaysia, Syed Ali Mohidin berucap dan kemudian, Encik Kadir pula memberikan ucapan.
- Petang itu, berlangsung acara pembukaan Sukan SEA yang ke-14.
- Kamarul dan Sures mengikuti perbarisan kontinjen Malaysia.
- Pada petang ini, Kamarul dan Sures akan bertanding dalam acara 100 meter dan 400 meter dan mereka akan ditentang oleh pelari dari Filipina, Indonesia, Singapura, dan Thailand.
- Encik Kadir berharap agar Kamarul dapat mencipta rekod baharu.
- Sebelum bertanding, Encik Kadir memberikan pingatnya, iaitu pingat yang pernah dilemparkan oleh Kamarul dulu dan meminta Kamarul mengikat pingat itu di pinggangnya.
- Kamarul menuju ke garisan permulaan dan memerhatikan De Wega sebelum membongkok dan mengambil nafas dan mendapati dia bukan tandingan De Wega.
- Tiba-tiba, Kamarul merasai satu resapan semangat baharu dan dia menghela nafas dan memegang pingat di pinggangnya itu.

- Tembakan permulaan dilepaskan, Kamarul berlari bagi kuda yang dipacu sekutu tenaga.
- Kamarul terasa imbasan angin badan De Wega dan dia mempercepat larian sambil menundukkan kepala melepas garisan penamat.
- Kamarul meluru dan memeluk De Wega dan Encik Kadir yang ada di sisi memeluk Kamarul.
- De Wega mengucapkan tahniah kepada Kamarul dan Kamarul melonjak kegembiraan apabila melihat catatannya yang telah memperbaharui rekod lamanya serta berjaya mengatasi rekod De Wega juga.
- Pada petang itu juga, Kamarul memperoleh satu lagi pingat emas dalam acara 400 meter.
- Encik Kadir menemui Kamarul di bilik dengan senyuman dan menyampaikan surat ucapan tahniah daripada kawan-kawan Kamarul di Malaysia.
- Kamarul mengembalikan pingat yang diberikan oleh Encik Kadir semula tetapi Encik Kadir meminta Kamarul menyimpannya sebagai kenangan dan menandakan bahawa dialah orang pertama yang melatih Kamarul.
- Encik Kadir menyatakan lagi bahawa dia akan bersara selepas ini menyebabkan Kamarul tersentak dengan pengakuan tersebut.
- Encik Kadir turut menyatakan bahawa dia sepatutnya bersara pada tahun ini tetapi ditangguhkan kerana Sukan SEA.
- Encik Kadir juga menyatakan bahawa dia telah berjaya membawa Kamarul ke tahap yang membanggakannya dan berbangga apabila mengundurkan diri sebagai jurulatih.
- Kamarul berasa terharu sambil memegang kertas ucapan tahniah daripada Saridah dan Juriah.

15 Ucapan Tahniah

- Masa berlalu begitu pantas kerana jadual pertandingan terlalu padat.
- Petang itu, berlangsungnya upacara penutup Sukan SEA.
- Di hotel, Kamarul bertemu dengan De Wega di bilik De Wega untuk mengucapkan terima kasih kerana De Wega memberikan dia semangat.
- Kamarul memberikan De Wega cenderamata sebagai hadiah kenangan tanda mereka pernah berjumpa.
- De Wega membalias pemberian Kamarul dengan memberikan sebutir pingat emas yang dimenangi dalam acara 100 meter Sukan SEA Brunei.
- Kamarul menerima pemberian De Wega dan diharapkan menjadi perangsang kepada dirinya.
- Kamarul pulang dengan menaiki pesawat MAS.
- Kamarul merasakan penerbangan itu terlalu lambat sambil dia memegang pingat emas yang dimenangi.
- Kamarul terkenang wajah Encik Kadir, De Wega, Saridah, Cikgu Zainal dan kawan-kawan sekolahnya sambil berkata kepada dirinya bahawa kejayaan yang diperoleh bukan untuk dirinya seorang.
- Sejurus kemudian, kapal terbang mendarat.
- Kamarul melangkah ke balai ketibaan dan disambut oleh keluarganya dan kawan-kawannya yang mengucapkan tahniah kepadanya.

Tema

Kesedaran atau keinsafan daripada sikap angkuh dan sompong.

Persoalan

- (a) Kemasyhuran diri telah menjadikan seseorang itu lupa akan asal usulnya.
- (b) Percintaan sewaktu bersekolah boleh menjelaskan pencapaian akademik.
- (c) Ketegasan seorang ketua dalam mentadbir urus organisasi.
- (d) Pelajaran penting untuk masa depan.
- (e) Disiplin diri menjadi kunci untuk sesuatu kejayaan.
- (f) Komitmen yang tinggi dalam menjalankan tugas dan amanah.

Plot

Binaan Plot

- (a) Permulaan – Kisah bermula dengan perubahan sikap Kamarul yang menjadi perhatian ibu dan rakan-rakannya.

- Saridah juga telah menegur Kamarul tentang perubahan sikapnya itu.
- (b) Perkembangan – Kamarul telah ponteng latihan dan banyak berlatih bersendirian. Tindakan Kamarul telah menimbulkan kerusungan Encik Kadir selaku jurulatih olahraga pasukan kebangsaan.
 - (c) Konflik – Kamarul mula berani melawan jurulatihnya dengan mengatakan bahawa dengan latihan sendiri itu tidak mengganggu kecergasannya. Kamarul juga telah berani mencabar Encik Kadir agar melatih Sures yang sedang meningkat maju dalam olahraga.
 - (d) Klimaks – Kamarul sanggup membaling pingat yang diberikan oleh Encik Kadir sambil berlalu pergi. Ketika melintas jalan dengan perasaan marah dan fikirannya berkecamuk, dia telah dilanggar kereta hingga menyebabkannya terlantar hospital.
 - (e) Peleraian – Kamarul mula sedar akan kesilapannya dan kembali berlatih serta berdisiplin. Akhirnya, dia berjaya meningkatkan kecergasannya semula dan menjadi johan dalam acara 100 meter dan 400 meter di Sukan SEA ke-14 di Bangkok.

Teknik Plot

- (a) Pemerian. Contohnya, pengarang memerihalkan kebiasaan Kamarul yang membaca surat khabar tentang perkembangan sukan tanah air dan luar negara selepas sarapan.
- (b) Dialog. Contohnya, dialog antara Kamarul dan Adibah yang mlarangnya keluar dari kelas sebelum loceng rehat berbunyi, walaupun Kamarul menyatakan bahawa dia mahu berjumpa dengan Cikgu Zainal.
- (c) Monolog. Contohnya, ketika berada di perpustakaan sambil menunggu kedatangan Kamarul, Saridah berfikir bahawa Kamarul perajuk dan pendendam orangnya apabila Kamarul tidak datang menemuinya di situ.
- (d) Imbas kembali. Contohnya, Saridah mengingati peristiwa pertemuan pertamanya dengan Kamarul ketika menyertai Kejohanan MSSM di Stadium Merdeka.
- (e) Imbas muka. Contohnya, selepas kemalangan, Kamarul bertekad untuk kembali berlatih dan membuktikan kepada Encik Kadir bahawa dia akan menjadi seorang ahli sukan yang berdisiplin
- (f) Saspens. Contohnya, pembaca tertanya-tanya apakah yang akan terjadi kepada Kamarul akibat dilanggar kereta.

Latar

Latar Tempat

- (a) Pusat Sukan Kampung Pandan.
- (b) Stadium Merdeka.
- (c) Bilik guru.
- (d) Bilik hotel.
- (e) Bangkok.
- (f) Lapangan terbang.
- (g) Gimnasium A.
- (h) Hospital.

Latar Masa

- (a) Waktu pagi.
- (b) Waktu petang.
- (c) Waktu malam.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang angkuh dan sompong apabila memperoleh kejayaan.
- (b) Masyarakat yang bertolak ansur.
- (c) Masyarakat yang tegas dalam menjalankan tugas.
- (d) Masyarakat murid sekolah yang aktif bersukan.
- (e) Masyarakat prihatin terhadap nasib orang lain.
- (f) Masyarakat yang berdisiplin dalam melaksanakan tanggungjawab.

Unsur Gaya Bahasa

- (a) Simile. Contohnya, *hati dan perasaannya macam emak juga; Sures semakin pantas memecut bagaikan seekor kuda liar yang dipacu.*

- (b) Sinkope. Contohnya, *kau dah tak lalu nak makan dan minum.*
- (c) Bahasa Inggeris. Contohnya, *sorry, Don't worry, just friend, sporting.*
- (d) Peribahasa. Contohnya, *besar kepala, lupa daratan, sekilas ikan di air aku tahu jantan betinanya, memulangkan paku buah keras, jauh panggang dari api.*
- (e) Personifikasi. Contohnya, *berbagai-bagai gambaran dan perasaan bersalah mendera hati Kamarul; kata-kata demikian meluncur daripada mulut Saridah; resapan bangga menyelinap ke pembuluh darah.*
- (f) Hiperbola. Contohnya, *seribu kemarahan, kemarahannya mula membakar hatinya; kesayuan terus memenjarakan hati para atlet.*
- (g) Penggunaan dialek. Contohnya, *tunak, aspal, bergulau.*

Watak dan Perwatakan

Kamarul

- (a) Murid tingkatan lima.
- (b) Anak kedua dalam keluarga.
- (c) Bersopan santun pada awalnya.
- (d) Tidak menepati janji.
- (e) Berani memprotes.
- (f) Perajuk dan pendendam.
- (g) Sombong.
- (h) Degil dan keras hati.

Saridah

- (a) Murid tingkatan lima.
- (b) Berhidung kecil dan berambut lurus.
- (c) Bewajah tenang.
- (d) Baik hati.
- (e) Jujur.
- (f) Perahsia.

Encik Kadir

- (a) Berusia dalam lingkungan 50 tahun.
- (b) Bermuka bulat dan sering memakai topi.
- (c) Berkulit agak gelap.
- (d) Bermulut becek.
- (e) Baik dan bertimbang rasa.
- (f) Teliti.
- (g) Tegas.
- (h) Bertolak ansur.
- (i) Pemurah.

Nilai

- (a) Ketegasan. Contohnya, Adibah tegas menghalang Kamarul yang ingin keluar dari kelas sebelum loceng rehat berbunyi.
- (b) Disiplin. Contohnya, Sures berdisiplin dan akur akan jadual latihan sehingga dia berjaya menewaskan Kamarul dalam saingan 100 meter.
- (c) Keberanian. Contohnya, Saridah berani menegur sikap Kamarul yang mula sompong dan bongkak setelah Kamarul popular.
- (d) Bertimbang rasa. Contohnya, Encik Kadir bertimbang rasa dan bertolak ansur dengan Kamarul yang mula tidak berdisiplin agar Kamarul berubah.
- (e) Bertanggungjawab. Contohnya, Encik Kadir seorang jurulatih yang bertanggungjawab seperti selalu menasihati Kamarul dan bersusah payah mengambil Kamarul yang keluar dari hospital.
- (f) Simpati. Contohnya, Juriah bersimpati terhadap Saridah dengan menasihati Saridah dan mendengar segala rintihan dan kekecewaan Saridah.
- (g) Keinsafan. Contohnya, Kamarul insaf akan kesilapan dirinya yang menjadi sompong dan bersikap kasar terhadap jurulatih dan kawan-kawannya.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah berani menjalankan tugas supaya organisasi yang dipimpin berjalan dengan sistematis.
- (b) Kita mesti memberikan tumpuan pada pelajaran agar masa depan kita lebih cemerlang.

- (c) Kita seharusnya berdisiplin dalam kehidupan agar tugas yang dijalankan dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- (d) Kita perlu mengingati jasa dan budi baik supaya kita tidak bersikap angkuh dan sompong.
- (e) Kita mesti bersikap teliti dan serius dalam melaksanakan tugas agar tugas yang dilaksanakan memberikan impak yang positif.
- (f) Kita hendaklah segera insaf akan kesilapan supaya kita tidak terus melakukan kesilapan yang merugikan kita.

menghakimi koperasi sekolah mereka. Berdasarkan penilaian ketiga-tiga hakim tersebut koperasi sekolah mereka telah diumumkan sebagai johan dalam pertandingan yang dianjurkan oleh pihak ANGKASA. Persoalan tentang ayah Razali yang sebenar turut terungkai semasa majlis penerimaan piala kemenangan tersebut.

4

SEJAMBAK BAKTI

(Rejab F.I)

*Edisi: Johor, Sarawak, Sabah, Wilayah
Persekutuan Labuan*

Sinopsis

Novel ini mengisahkan usaha murid dan guru Koperasi Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan untuk membangunkan koperasi sekolah mereka. Harun, Swee Lan dan Saridevi sedang bertugas di koperasi sekolah sebelum loceng untuk sesi pembelajaran berlangsung. Semasa sedang sibuk melayan pelanggan, seorang daripada murid yang berasak-asak di situ cuba mengambil sebatang pen tanpa membayarnya. Kehadiran Cikgu Zulkifli menamatkan perbualan mereka. Cikgu Zulkifli datang membawa surat panggil Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kali pertama pada tahun tersebut.

Dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah kali pertama pada petang itu, sebanyak sebelas orang murid dan empat orang guru telah dilantik sebagai ahli lembaga pengarah. Cikgu Syamsudin, iaitu pengetua sekolah sebagai pengurusnya. Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh pegawai daripada Jabatan Pembangunan Koperasi. Razali telah terpilih sebagai penolong setiausaha.

Konflik bermula apabila Munir berasa cemburu dengan pelantikan Razali sebagai penolong setiausaha. Mulai saat itu Munir, Leong, dan Selvam sering tidak hadir bertugas. Munir sentiasa cuba untuk rapat dengan Ramlah. Namun begitu, cubaan untuk memberi surat dan mengajak Ramlah menonton wayang gagal. Hal ini demikian, kerana Ramlah sangat rapat dengan Razali. Sikap Munir yang sering mengganggu pelajar perempuan dan tidak hadir bertugas telah dirujuk kepada guru kaunseling sekolah. Akibat daripada peristiwa tersebut, Munir telah menumbuk Razali sehingga berdarah. Perbuatan tersebut menyebabkan Munir dihukum rotan oleh pengetua. Razali juga terpilih untuk menghadiri kursus koperasi bersama-sama dengan wakil koperasi-koperasi sekolah seluruh Malaysia. Hal ini menambahkan lagi rasa cemburu Munir terhadap Razali.

Dua minggu sebelum hakim pertandingan koperasi terbaik sekolah-sekolah datang mengadili pertandingan tersebut, seluruh warga Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan dikejutkan dengan berita koperasi sekolah mereka telah diceroboh. Barang-barang dalam koperasi telah dipunggah, barang yang ada berselerakan dan wang koperasi sebanyak RM 200.00 turut dicuri. Pihak polis telah dipanggil untuk melakukan siasatan. Razali dan Cikgu Zulkifli telah dibawa ke balai polis untuk membantu siasatan. Hal ini demikian kerana tiada sebarang tanda-tanda bilik tersebut dipecahan dan hanya Razali seorang sahaja yang memiliki kunci tersebut, manakala kunci di bilik pengetua tidak terusik. Kejadian tersebut menyebabkan ayah tiri Razali berasa malu sehingga sanggup menghalaunya keluar dari rumah.

Penjenayah tersebut berjaya dikesan setelah pencerobohan dilakukan untuk kali yang kedua. Munir terperangkap kerana memiliki sekeping wang kertas RM10.00 yang bertanda 'K'. Dia dihukum tiga kali sebatan di hadapan tapak perhimpunan dan digantung sekolah selama seminggu. Suasana menjadi bertambah pilu apabila Munir sendiri meminta maaf kepada Razali dan mereka berpelukan sambil diiringi air mata yang berderai. Razali dan Munir, akhirnya menjadi sahabat baik.

Masa terus berlalu, tiga orang hakim Pertandingan Koperasi Sekolah-Sekolah dari ANGKASA telah datang untuk

Inti Pati Bab

Bab 1: Kisah di Kedai Koperasi

- Suasana pagi di Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan sangat segar dan nyaman.
- Pemandangan bangunan sekolah yang bercat kuning serta di sekitar kawasannya dihiasi dengan beraneka jenis pokok bunga.
- Harun, Swee Lan, dan Saridevi sedang bertugas di koperasi sekolah sebelum loceng untuk sesi pembelajaran berlangsung.
- Semasa sedang sibuk melayan pelanggan, seorang daripada murid yang berasak-asak di situ cuba mengambil sebatang pen tanpa membayarnya.
- Namun begitu, perbuatan tersebut berjaya dihalang oleh Harun dan pelajar tersebut sempat dinasihati oleh Harun.
- Harun mengeluh dengan sikap pelajar tersebut.
- Keluhan Harun dipintas oleh Norlela dengan menyatakan bahawa tidak semua pelajar sekolah ini bersikap begitu.
- Norlela mempunyai banyak pengalaman dalam urusan kedai koperasi tersebut kerana dia merupakan mantan ahli lembaga pengarah dan kini bertugas sementara di sini sambil menunggu pekerjaan tetap.
- Kehadiran Cikgu Zulkifli menamatkan perbualan mereka.
- Cikgu Zulkifli datang membawa surat panggil Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kali pertama pada tahun ini.
- Norlela juga turut serta dalam mesyuarat tersebut.

Bab 2: Mesyuarat Melaksanakan Harapan

- Pada petang itu, mesyuarat pertama Ahli Lembaga Pengarah telah dipengerusikan oleh pengetua sekolah iaitu Cikgu Syamsudin.
- Seramai sebelas orang murid yang telah dilantik sebagai ahli lembaga pengarah bersama-sama dengan empat orang guru.
- Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh pegawai daripada Jabatan Pembangunan Koperasi iaitu Encik Sulaiman.
- Cikgu Syamsudin selaku pengurus mengucapkan tahniah kepada pelajar-pelajar yang terpilih sebagai ahli lembaga pengarah dan mengucapkan tahniah kepada Razali kerana terpilih sebagai penolong setiausaha.
- Ucapan beliau diteruskan dengan menjelaskan tentang tujuan penubuhan koperasi sekolah dan menyeru ahli lembaga supaya menurut dasar kerajaan iaitu bersih, cekap, dan amanah.
- Agenda kedua mesyuarat tersebut ialah pembentangan minit mesyuarat sebelumnya oleh Cikgu Zulkifli selaku setiausaha.
- Setelah minit tersebut disahkan, agenda seterusnya ialah "Perkara Berbangkit" dan seterusnya "Perbincangan Usul-usul".
- Sebanyak tiga usul yang telah diputuskan dalam mesyuarat agung yang lalu iaitu pertama koperasi perlu memelihara atau menternak ayam telur, kedua penjualan barang keperluan sekolah dan barang-barang makanan untuk keperluan semua dan yang ketiga koperasi perlu menubuhkan sebuah bilik bacaan sebagai sumbangan kepada sekolah.
- Perbincangan sama ada ingin melaksanakan semua usul tersebut atau memilih usul yang sesuai sahaja telah dibuka oleh Cikgu Syamsudin.
- Cikgu Robeah selaku bendahari koperasi mencadangkan agar kesemua usul tersebut dilaksanakan.
- Hal ini demikian kerana koperasi sekolah mempunyai modal terkumpul sebanyak RM 10 000.00.
- Cadangan tersebut telah disokong oleh Cikgu Ramlah.
- Encik Sulaiman bersetuju dengan cadangan tersebut dan sedia untuk memberikan kerjasama.
- Beliau juga akan melakukan pemantauan untuk mengelakkan sebarang penyelewengan.
- Agenda terakhir iaitu "Hal-hal lain" iaitu pengurus telah

menegaskan mengenai hal kewangan dan mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

- Semua ahli lembaga pengarah berpuas hati dengan keputusan mesyuarat, namun ada juga ahli lembaga pengarah yang kurang berpuas hati.

Bab 3: Perjanjian Membalas Dendam

- Pelantikan Razali sebagai penolong setiausaha telah menyebabkan rasa tidak senang dalam diri Munir.
- Munir melepaskan rasa kesalnya kepada dua orang penyokong setianya iaitu Leong dan Silvam.
- Munir kesal kerana Leong dan Silvam tidak mencalonkannya dan berkempen untuknya bagi merebut jawatan tersebut.
- Namun begitu, kedua-dua rakannya menafikan hal tersebut.
- Mereka menuju ke koperasi lalu melihat Razali dan Ramlah sedang membuat minit mesyuarat.
- Munir menyindir Razali tetapi Razali hanya berlaku selamba.
- Munir pula menuduh Ramlah mempunyai niat yang lain apabila dia dengan ikhlas membantu Razali.
- Ramlah begitu marah lalu Munir, Leong, dan Silvam terus berlalu meninggalkan mereka.
- Cikgu Robeath menasihati Razali dan Ramlah supaya tidak mengambil peduli tentang perkara tersebut.

Bab 4: Persiapan Kedai Koperasi

- Swee Lan mengadu dengan Cikgu Zulkifli bahawa Munir, Silvam, dan Leong masih belum hadir bertugas pada pagi tersebut.
- Keadaan tersebut menyebabkan Cikgu Zulkifli berasa sangat kecawa dan berjanji untuk menyelesaikan perkara tersebut.
- Mereka melupakan perkara tersebut lalu membuat perancangan untuk persiapan pembelian barang-barang keperluan koperasi di kedai ayah Swee Lan.
- Bagi bahan-bahan bacaan dan majalah pula mereka akan ke kedai buku *Indera Store*.
- Petang itu Cikgu Zulkifli, Razali, dan Ramlah menaiki van sekolah menuju ke kedai ayah Swee Lan dan *Indera Store*.
- Kedua-dua pemilik kedai tersebut menasihati kami agar berniaga dengan bersungguh-sungguh.

Bab 5: Cita-cita dan Harapan

- Munir, Silvam, dan Leong mempunyai harapan dan cadangan untuk mencapai cita-cita mereka.
- Sewaktu pulang dari sekolah mereka bertiga telah menunggu Ramlah, Swee Lan, dan Saridevi keluar dari kedai koperasi.
- Mereka mengajak Ramlah dan rakan-rakannya pergi menonton wayang.
- Namun pelawaan tersebut ditolak dengan baik.
- Keesokan harinya iaitu pada waktu rehat, mereka cuba untuk berbaik-baik semula.
- Mereka turut membantu menyusun buku-buku di atas rak.
- Munir cuba mendekati Ramlah lalu menghulurkan sepucuk surat kepadanya.
- Ramlah menolak dan berada dalam ketakutan.
- Keadaan tersebut menyebabkan Razali terpaksa masuk campur.
- Berlaku perang mulut antara Razali dan Munir.
- Setelah pertengkaran tersebut berlalu Cikgu Zulkifli muncul lalu bertanya tentang perkara yang telah berlaku.
- Cikgu Zulkifli turut memberitahu kami bahawa Penolong Pengarah Pembangunan Koperasi, Bahagian Fungsi Sekolah-sekolah Malaysia akan datang melawat, turut menyaksikan peristiwa tersebut.

Bab 6: Persiapan

- Cikgu Zulkifli, Cikgu Hassan, Razali, Swee Lan, dan Saridevi membuat persiapan di bangsal ternakan ayam telur mereka.
- Cikgu Robeath, Ramlah, Harun, Silvam, dan Leong mengemas bahan bacaan di dalam bilik bacaan.
- Cikgu Zulkifli mencari Munir dan akhirnya berjumpa Munir di padang sekolah sedang bermain bola sepak.
- Munir diarahkan keluar padang kerana bermain terlalu kasar.
- Cikgu Zulkifli mengambil kesempatan tersebut dengan menasihati Munir supaya menjalankan tugasnya sebagai ahli lembaga pengarah dengan sebaik-baiknya.

– Munir memohon maaf kepada Cikgu Zulkifli dan dia juga berjanji tidak akan ponteng daripada melakukan sebarang kegiatan koperasi.

- Di samping itu, Cikgu Zulkifli juga menasihati Munir supaya tidak mengganggu Ramlah lagi agar nama baik koperasi sekolah dapat dijaga.

Bab 7: Semangat

- Lawatan Penolong Pengarah Pembangunan Koperasi yang diketuai oleh Encik Mansur telah pun tiba.
- Beliau dibawa melawat di sekitar ruang koperasi, iaitu ke tempat ternakan telur ayam dan ke bilik bacaan.
- Beliau juga turut memberikan sedikit ucapan.
- Ucapan beliau memberikan semangat dan dorongan kepada ahli lembaga pengarah koperasi untuk meneruskan kegiatan memajukan koperasi sekolah.
- Beliau juga berpesan agar mereka tidak mengabaikan pelajaran masing-masing supaya tugas sebagai murid dan ahli lembaga koperasi dapat berjalan dengan serentak dan mampu beroleh kejayaan yang cemerlang.

Bab 8: Mempelajari Ilmu Perdagangan

- Pelajar tingkatan 5C1 yang terdiri daripada Ramlah, Saridevi, Razali, dan Munir sedang mengikuti kelas mata pelajaran Perdagangan yang diajar oleh Cikgu Saiful.
- Setelah pulang Ramlah dan rakannya Rozita dan Saridevi bercadang ke rumah Razali untuk menyelesaikan tugasan yang diberikan oleh Cikgu Saiful.
- Razali bersetuju dan mereka semua akan datang ke rumahnya pada pukul 3.00 petang.

Bab 9: Kerja Rumah

- Petang itu, Ramlah, Saridevi, dan Rozita muncul di halaman rumah Razali.
- Mereka ingin menyiapkan kerja rumah tersebut di rumah Razali kerana suasana di rumah Razali yang berada di pinggir sawah sangat tenang dan nyaman.
- Namun begitu, Razali mencadangkan agar mereka belajar di pondok yang berada di tengah-tengah sawah berhampiran dengan rumahnya kerana keadaan di situ lebih sunyi dan tenteram.
- Ibu Razali iaitu Mak Sopiah melayani mereka dengan baik.

Bab 10: Pengakuan

- Cikgu Zulkifli telah merujuk kes disiplin Munir kepada guru kaunseling iaitu Cikgu Muniam.
- Cikgu Muniam dan Cikgu Zulkifli telah memanggil Munir ke bilik kaunseling untuk menasihati Munir.
- Pada mulanya Munir membantah tentang laporan yang menyatakan bahawa dia menganggu murid-murid perempuan di sekolah.
- Namun begitu, akhirnya dia mengaku dan berjanji tidak akan mengulanginya lagi.

Bab 11: Melepaskan Dendam

- Ketika pulang dari sekolah, Munir, Leong, dan Silvam menunggang motosikal masing-masing dengan penuh keangkuhan sehingga menyebabkan kerbau yang dituntun oleh seorang petani begitu terkejut.
- Mereka berhenti di suatu tempat yang jauh daripada penduduk kampung.
- Munir meluahkan rasa tidak puas hatinya terhadap Razali.
- Leong dan Silvam turut menyokong pendapat Munir.
- Munir turut kecawa kerana tidak dapat berhubung langsung dengan Ramlah, hal ini demikian kerana Razali seolah-olah mengawal semua pergerakan Ramlah.
- Leong dan Silvam juga kecawa kerana mereka juga tidak dapat berhubung dengan Swee Lan dan Saridevi.
- Akhirnya, mereka tekad untuk mengajar Razali.
- Mereka menahan Razali sewaktu mengayuh basikal melalui jalan menuju ke arah mereka.
- Berlaku pergaduhan antara mereka.
- Razali tersungkur ke tanah dan darah mengalir keluar dari mulutnya.
- Mereka meninggalkan Razali setelah mereka berpuas hati.

- Secara kebetulan Ramlah, Saridevi, dan Rozita melalui jalan tersebut dan terserempak dengan Razali.
- Mereka membantu Razali dan mendesak supaya Razali berterus terang tentang perkara yang telah berlaku dan meminta mereka merahsiakan perkara tersebut.
- Hal ini demikian kerana dia tidak mahu perkara ini dibesar-besarkan dan bimbang perkara tersebut sampai ke pengetahuan ayah tirinya.

Bab 12: Kasih Seorang Ibu

- Mak Sopiah terperanjat melihat keadaan Razali yang kotor serta mulutnya yang berdarah.
- Zali menyatakan bahawa rakan-rakannya yang memukulnya dan meminta supaya ibunya tidak terlalu risau.
- Pak Zakaria terdengar perbualan tersebut terus mencemuh anak tirinya itu.
- Mak Sopiah tetap membela anaknya.
- Kebimbangan Razali ternyata benar, dia selalu dicemuh oleh ayah tirinya dan kebencian ayah tirinya itulah yang sering menghantui fikirannya.
- Kehadiran Mak Sopiah sewaktu menghantar minum petang mendesak Razali bertanyakan tentang hal ayahnya yang sebenar.
- Namun begitu, Mak Sopiah tidak mahu mengungkit semula sejarah hitam hidupnya.
- Razali akur lalu memeluk erat tubuh ibunya.

Bab 13: Dendam Membawa Padah

- Peristiwa Razali telah dipukul sampai ke pengetahuan Cikgu Zulkifli.
- Razali, Munir, Leong, dan Silvam dibawa menghadap ke bilik pengetua iaitu Cikgu Syamsudin untuk disoal siasat.
- Apabila disoal siasat, Munir menuduh Razali yang membuat laporan tentang hal Munir yang jahat dan suka mengganggu murid perempuan.
- Tuan Pengetua menjatuhkan hukuman rotan terhadap Munir, Leong, dan Silvam.
- Mereka juga turut diberi amaran akan melucutkan jawatan mereka jika masih melakukan kesalahan.

Bab 14: Berita Gembira

- Cikgu Zulkifli membawa sepucuk surat yang ditujukan kepada Razali.
- Menurut surat tersebut Razali terpilih mengikuti kursus koperasi bersama-sama dengan wakil koperasi-koperasi sekolah seluruh Malaysia.
- Kursus tersebut akan diadakan di bangunan Maktab Kerjasama Malaysia, Petaling Jaya, Selangor.

Bab 15: Budi Baik Dikenang Jua

- Para peserta kursus diberi taklimat tentang betapa pentingnya penubuhan koperasi dan cara-cara mengurus atau mengendalikannya.
- Selain itu, mereka juga dibawa melawat ke Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia, bangunan Koperasi Polis, Koperasi Guru, Koperasi Bekas Perajurit, dan turut dibawa bersiar-siar di sekitar ibu kota Kuala Lumpur.
- Razali dan seluruh peserta amat terhutang budi kepada Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia kerana memilih mereka menghadiri kursus tersebut.

Bab 16: Kesan Kunjungan

- Razali diminta untuk menyampaikan laporannya tentang perkara yang diperoleh sepanjang menghadiri kursus tersebut dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Koperasi.
- Selepas penerangan tersebut, pengetua memaklumkan bahawa ANGKASA (Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia) setiap tahun akan mengadakan pertandingan untuk memilih koperasi yang maju, berjaya, dan baik pentadbirannya.
- Keputusan mesyuarat sebulat suara menyatakan persetujuan untuk mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Bab 17: Semakin Jauh Terbang Burung

- Semua ahli lembaga pengarah bergilir-gilir menguruskan projek yang telah dilaksanakan.

- Mereka bekerja tanpa dipaksa dan mereka bertambah semangat dengan kehadiran Cikgu Syamsudin.
- Cikgu Syamsudin tercari-cari kelibat Munir, Leong, dan Silvam.
- Marzuki menjelaskan bahawa mereka sedang bermain bola di padang sekolah.
- Lalu beliau mengarahkan mereka dipanggil dan membantu kerja-kerja tersebut.
- Ketika Munir berada di meja setiausaha, di terlihat anak kunci terletak di situ, diambil dan diteliti lalu diletakkannya semula.

Bab 18: Malang Tidak Diduga

- Kelihatan satu lembaga hitam meranjang pintu pagar sekolah dan terus berlari menuju ke arah kedai koperasi.
- Keesokan harinya, ahli lembaga pengarah terkejut melihat kedai koperasi mereka telah diceroboh dan kehilangan wang sebanyak RM 200.00.
- Cikgu Robeah diminta untuk melaporkan kepada pengetua.
- Cikgu Zulkifli membuat laporan polis tentang kejadian tersebut.

Bab 19: Misteri Kedai Koperasi

- Pihak polis telah melakukan siasatan.
- Menurut siasatan yang dilakukan tidak ada sebarang kesan diceroboh.
- Pihak polis ingin menyoal siasat pemegang kunci kedai koperasi tersebut, lalu Razali dan Cikgu Zulkifli dibawa ke balai untuk membantu siasatan.
- Pihak sekolah telah bersepakat untuk menjalankan siasatan dan memerangkap penceroboh yang sebenar.

Bab 20: Tindakan Ayah Tiri

- Munir dan Leong memberitahu Pak Zakaria tentang Razali yang telah menceroboh kedai koperasi sekolah.
- Pak Zakaria mengiyakan kata-kata mereka dan mengatakan bahawa Razali sememangnya anak yang jahat.
- Sejurus sahaja Pak Zakaria pulang dari sawah Razali baru sahaja keluar dari pondok di tengah padang.
- Kebencian Pak Zakaria semakin meluap-luap apabila terpandang wajah Razali.
- Razali terus disergah dengan pertanyaan dan tuduhan yang telah disampaikan oleh Munir dan Leong.
- Pak Zakaria menghalau Razali keluar dari rumah itu.
- Mak Sopiah bertegas jika Razali dihalau keluar dia juga akan pergi ke mana-mana sahaja untuk tetap bersama-sama anaknya.
- Pak Zakaria terdiam sejenak lalu meninggalkan mereka berdua.

Bab 21: Hidup yang Dirundung Malang

- Razali temenung memikirkan nasib dirinya.
- Dia melepaskan rasa sedih dengan duduk temenung di pondok yang memberikan erti bahagia dan ketenangan kepadanya.
- Mak Sopiah memerhati Razali dari kejauhan.
- Mak Sopiah memujuk Razali pulang untuk sama-sama menunaikan solat maghrib.
- Razali mengambil kesempatan ini untuk mengetahui tentang ayahnya yang sebenar, namun Mak Sopiah tetap merahsiakannya.
- Razali akur lantas memeluk ibunya dengan linangan air mata.

Bab 22: Misteri Berakhir

- Kejadian pencerobohan koperasi sekolah berlaku untuk kali yang kedua.
- Hal ini menyebabkan Cikgu Zulkifli terpaksa membuat tindakan yang lebih drastik.
- Pengetua membenarkan cadangan Cikgu Zulkifli untuk melakukan pemeriksaan mengejut ke atas semua murid dengan mendapatkan bantuan daripada semua guru disiplin.
- Akhirnya, Cikgu Khalid berjaya mengesan pencuri tersebut.
- Mereka menemukan sebatang kunci dan sekeping wang kertas RM 10.00 yang bertanda ‘K’.
- Munir hanya mampu tertunduk dan diam setelah mengakui kesalahannya.

Bab 23: Hukuman

- Mesyuarat guru disiplin sekolah memutuskan, Munir akan dirotan sebanyak tiga kali sebatan di hadapan semua murid di tapak perhimpunan.
- Pihak sekolah juga telah mendapat keizinan daripada keluarga Munir untuk melaksanakan hukuman tersebut.
- Selain hukuman rotan Munir juga telah digantung sesi persekolahannya selama satu minggu.
- Tiba-tiba dalam suasana yang amat memilukan, Munir memohon maaf kepada Razali.
- Mereka berpelukan sambil diiringi air mata yang berderai.
- Semua murid dan guru menyaksikan peristiwa pilu tersebut.

Bab 24: Memasuki Dunia Baharu

- Petang itu Munir bertandang di rumah Razali.
- Dia berhasrat untuk bertemu Razali, Mak Sopiah, dan Pak Zakaria.
- Munir telah menjelaskan segalanya kepada mereka.
- Munir sempat melahirkan rasa bimbangnya yang tidak dapat belajar seperti biasa selama satu minggu kerana digantung sekolah.
- Namun begitu, Razali berjanji untuk membantunya.
- Munir sangat gembira dan merasakan dirinya menjadi orang baharu dan telah mendapat seorang sahabat yang baharu.

Bab 25: Harapan Berbunga Indah

- Hakim Pertandingan Koperasi Sekolah-sekolah dari ANGKASA datang untuk membuat penilaian.
- Mereka disambut oleh pengetua dan seluruh warga sekolah.
- Tiga orang hakim telah membuat penilaian di kedai koperasi, di kawasan ternakan ayam telur, dan di bilik bacaan.
- Perhimpunan pagi itu sangat bermakna kerana turut dihadiri oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Perlis serta ibu bapa yang dijemput khas.
- Dalam perhimpunan yang penuh bermakna itu Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Perlis telah mengumumkan bahawa Koperasi Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan telah berjaya menjadi johan dalam Pertandingan Koperasi Sekolah-sekolah pada tahun tersebut.
- Razali telah tampil menerima piala yang telah disumbangkan oleh pihak ANGKASA.
- Setelah perhimpunan tamat para tetamu dibawa melawat ke kedai koperasi sekolah.
- Ketika itu dua pasangan mata berpandangan dengan penuh kehairanan bercampur riang.

Bab 26: Terbuka Rahsia

- Pak Ramli telah menjelaskan kisah sebenar tentang hubungannya bersama Mak Sopiah sambil disaksikan oleh Cikgu Syamsudin, En.Ali, Mak Sopiah, dan Pak Zakaria.
- Penjelasan tersebut mengheret simpati Cikgu Syamsudin, lalu meminta pembantu pejabat memanggil Razali, Ramlah, dan Cikgu Zulkifli untuk turut berada dalam pertemuan tersebut.
- Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri turut terharu dengan pertemuan tersebut.
- Setelah Razali tiba, Cikgu Syamsudin menyatakan bahawa hari ini merupakan hari yang bersejarah bagi Razali.
- Hal ini demikian kerana Razali bukan sahaja menerima piala kemenangan tetapi dia juga dipertemukan dengan ayah kandungnya sendiri secara tidak disengajakan.

Tema

Usaha dan kegigihan Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Sekolah dan guru-guru membangunkan koperasi sekolah mereka.

Persoalan

- (a) Usaha yang baik selalu akan mendapat tantangan dan cabaran yang hebat.
- (b) Sifat cemburu akhirnya memakan diri sendiri.
- (c) Kekayaan dan kemewahan akan membuatkan seseorang itu sompong dan ego.
- (d) Dugaan yang telah ditakdirkan mampu menjadikan seseorang itu tabah dan hebat.

- (e) Sifat ingin membala dendam mampu membuatkan seseorang melakukan jenayah yang besar.
- (f) Kasih ibu yang tiada batasannya.
- (g) Amalan muafakat akan membawa kejayaan.
- (h) Sifat pemaaf merupakan sifat yang sangat terpuji dan sangat dituntut oleh semua agama.

Watak dan Perwatakan

- (a) Watak utama – Razali
- (b) Watak sampingan – Munir, Leong, Silvam, Ramlah, Swee Lan, Saridevi, Rozita, Harun, Cikgu Zulkifli, Cikgu Robeah, Norlela, Cikgu Saiful, Cikgu Muniam, Cikgu Syamsudin, Mak Sopiah, Pak Zakaria, dan Pak Ramli.

Razali

- (a) Murid tingkatan 5.
- (b) Seorang pemimpin sekolah iaitu dilantik sebagai Penolong Setiausaha Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Sekolah.
- (c) Tinggal bersama-sama ibu dan ayah tirinya.
- (d) Menghormati orang tua.
- (e) Tabah dan sabar dalam menghadapi pelbagai dugaan.
- (f) Anak muda yang berwawasan dan bercita-cita tinggi.
- (g) Seorang yang pemaaf.

Ramlah

- (a) Rakan baik Razali.
- (b) Ahli lembaga pengarah koperasi sekolah.
- (c) Tinggal bersama-sama abangnya, seorang anggota polis di Balai Polis Simpang Empat.
- (d) Anak tiri Pak Ramli.

Swee Lan dan Saridevi

- (a) Sahabat baik Razali.
- (b) Ahli lembaga pengarah yang sangat rajin dan berdedikasi.
- (c) Sentiasa menyokong dan memberi semangat kepada Razali untuk memajukan koperasi sekolah.

Munir

- (a) Matanya bulat bersinar-sinar.
- (b) Pipinya penuh berisi.
- (c) Benjaway bulat dan bertubuh tegap.
- (d) Berpakaian kemas dan bermotosikal ke sekolah.
- (e) Sangat cemburu akan Razali.
- (f) Ahli lembaga pengarah koperasi sekolah.
- (g) Pendendam dan kuat cemburu.

Leong dan Selvam

- (a) Rakan setia Munir.
- (b) Sentiasa menyokong segala rancangan yang dirancang oleh Munir.
- (c) Ahli lembaga pengarah koperasi sekolah.
- (d) Bermotosikal ke sekolah.

Cikgu Zulkifli

- (a) Tubuhnya tinggi lampai, rambutnya genjur, dan berkumis.
- (b) Guru disiplin dan guru koperasi sekolah.
- (c) Sangat prihatin dan bertanggungjawab.
- (d) Bijak memerangkap penceroboh koperasi sekolah.
- (e) Rajin membantu kegiatan koperasi sekolah.

Mak Sopiah

- (a) Ibu Razali.
- (b) Isteri kedua Pak Zakaria.
- (c) Isteri pertama Pak Ramli.
- (d) Rajin melayani Razali.
- (e) Seorang ibu yang memiliki kasih sayang yang tidak berbelah bahagi terhadap anaknya.

Pak Zakaria

- (a) Bapa tiri kepada Razali.
- (b) Seorang bekas tentera.
- (c) Rakan Pak Ramli semasa menjadi anggota tentera.
- (d) Seorang ayah tiri yang garang dan tidak menyukai anak tirinya, Razali.

Pak Ramli

- (a) Bapa kepada Ramlah.
- (b) Bapa kandung Razali.
- (c) Seorang bekas tentera.
- (d) Rakan Pak Zakaria semasa menjadi anggota tentera.
- (e) Bercerai dengan Mak Sofiah sewaktu Razali berusia satu tahun.
- (f) Menetap di Melaka.

Plot

Binaan Plot

- (a) Permulaan – Pengarang memaparkan suasana pagi di Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan. Harun, Swee Lan, dan Saridevi sedang bertugas di koperasi. Kehadiran Cikgu Zulkifli membawa surat untuk mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kali pertama pada tahun tersebut.
- (b) Perkembangan – Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kali pertama diadakan pada petang di bilik mesyuarat. Sebelas orang murid dan empat orang guru telah dilantik sebagai ahli lembaga pengarah koperasi. Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh pegawai daripada Jabatan Pembangunan Koperasi. Razali telah terpilih sebagai penolong setiausaha.
- (c) Perumitan – Konflik bermula apabila Munir berasa cemburu dengan pelantikan Razali sebagai penolong setiausaha. Mulai saat itu Munir, Leong dan Selvam sering tidak hadir bertugas dan sentiasa cuba untuk rapat dengan Ramlah. Sikap Munir yang sering mengganggu pelajar perempuan dan tidak hadir bertugas telah dilaporkan kepada guru kaunseling sekolah iaitu Cikgu Muniam. Munir berdendam dengan Razali. Munir telah menumbuk Razali sehingga berdarah. Perbuatan tersebut menyebabkan Munir dihukum rotan oleh pengetua.
- (d) Klimaks – Seluruh warga Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan dikejutkan dengan berita koperasi sekolah mereka telah diceroboh. Wang koperasi sebanyak RM 200.00 turut dicuri. Pihak polis telah dipanggil untuk melakukan siasatan. Razali telah dibawa ke balai polis untuk membantu siasatan. Hal ini demikian kerana tiada sebarang tanda-tanda bilik tersebut dipecahkan dan hanya Razali seorang sahaja yang memiliki kunci tersebut. Kejadian tersebut menyebabkan ayah tiri Razali berasa malu sehingga sanggup menghalaunya keluar dari rumah.
- (e) Peleraian – Penjenayah tersebut berjaya dikesan setelah pencerobohan berlaku buat kali kedua. Munir terperangkap kerana memiliki wang kertas RM10.00 yang bertanda 'K'. Dia dihukum tiga kali sebatan di hadapan tapak perhimpunan dan digantung sekolah selama seminggu. Koperasi sekolah turut diumumkan sebagai Johan dalam pertandingan yang dianjurkan oleh pihak ANGKASA. Persoalan tentang ayah Razali yang sebenar turut terungkai semasa majlis penerimaan piala kemenangan tersebut. Razali dan Munir, akhirnya menjadi sahabat baik.

Teknik Plot

- (a) Imbas kembali. Contohnya, Pak Razali menceritakan hubungannya dengan Mak Sopiah di hadapan Cikgu Syamsudin, Encik Ali, dan Pak Zakaria ketika berada di bilik Cikgu Syamsudin.
- (b) Imbas muka. Contohnya, tujuan kursus koperasi tersebut diadakan adalah untuk mendedahkan generasi muda yang bakal memimpin koperasi negara kita tentang kepentingan penubuhan koperasi.
- (c) Pemerian. Contohnya, penulis menyatakan keadaan ketika berlangsungnya Mesyuarat Lembaga Pengarah Koperasi buat kali pertama diadakan pada tahun tersebut.
- (d) Monolog dalaman. Contohnya, Razali mengeluh di dalam hati tentang nasibnya yang begitu malang.
- (e) Kejutan. Contohnya, warga sekolah dikejutkan dengan kejadian kes pencerobohan koperasi sekolah.
- (f) Saspens. Contohnya, pembaca dan pelajar-pelajar tertanya-tanya tentang lembaga berwarna hitam yang kelihatan memanjat pintu pagar dan menuju ke arah kedai koperasi.

Latar

Latar Tempat

- (a) Di Koperasi Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan.
- (b) Di bilik mesyuarat.
- (c) Di bandar Kangar.
- (d) Di pinggir sawah.
- (e) Di Kampung Serdang.
- (f) Di bilik pengetua.

Latar Masa

- (a) Pada waktu pagi.
- (b) Pada waktu petang.
- (c) Pada waktu malam.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang gigih berusaha untuk memajukan koperasi sekolah.
- (b) Masyarakat yang terlibat dalam bidang keusahawanan dan penternakan.
- (c) Masyarakat yang masih mengamalkan sikap berdendam dan iri hati akan kejayaan orang lain.
- (d) Masyarakat yang taat pada perintah agama.
- (e) Masyarakat yang terlibat dalam bidang pertanian.
- (f) Masyarakat yang terlibat dalam bidang ketenteraan.

Unsur Gaya Bahasa

- (a) Personifikasi – *Ketika matahari menumpahkan cahayanya yang lembut, Angin membela-bela tubuhnya, Matahari sedang menyemarakkan cahayanya di dada langit, Daunnya melambai-lambai ditupi angin.*
- (b) Simile – *Kakinya seperti terpaku di tanah, Dia rasa dirinya seperti sehelai daun kering yang melayang-layang ke sana ke mari tanpa berharga.*
- (c) Peribahasa – *Janganlah kerana nila setitik menyebabkan rosak susu sebelanga, ada udang di sebalik batu, masakan tempua bersarang rendah, seperti isi dengan kuku.*
- (d) Bahasa Arab – *Assalamualaikum, Waalaikumussalam.*
- (e) Sinkope – tak.

Nilai

- (a) Kecekalan. Razali cekal berhadapan dengan pelbagai cabaran dan dugaan yang dicipta oleh Munir dan rakan-rakannya kerana cemburu dengan kejayaannya mengurus koperasi sekolah dan cemburu dengan sikap Razali yang terlalu mesra dengan Ramlah.
- (b) Bertanggungjawab. Contohnya, Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan menjalankan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab.
- (c) Kasih sayang. Contohnya, Mak Sopiah tegas menyatakan bahawa dia juga akan keluar dari rumah tersebut bersama-sama dengan Razali apabila Razali dihalau oleh ayah tirinya.
- (d) Keprihatinan. Contohnya, Ramlah, Rozita, dan Saridevi begitu prihatin dengan melaporkan kejadian Razali dipukul oleh Munir, Leong, dan Selvam kepada Cikgu Zulkifli.
- (e) Bekerjasama. Cikgu Zulkifli, Cikgu Robeah, Razali, Ramlah dan ahli lembaga pengarah yang lain bekerjasama untuk memajukan koperasi sekolah.

Pengajaran

- (a) Kita perlulah cekal dalam mengharungi kehidupan yang penuh dengan cabaran.
- (b) Kita perlulah bertanggungjawab dalam menjalankan tugas yang diamanahkan kepada kita.
- (c) Ibu bapa mestilah menyayangi anak-anak walaupun anak tiri.
- (d) Kita mestilah berani untuk menegakkan sesuatu kebenaran.
- (e) Kita perlulah prihatin dalam membina persahabatan yang ikhlas.
- (f) Kita mestilah bekerjasama untuk memajukan sesebuah organisasi.